

PARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUAABELAS

2010

PT.1

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Bukan
Jawab Lisan [Bertulis] Dewan Rakyat
Daripada Kementerian-Kementerian

15 MAC 2010 HINGGA 22 APRIL 2010

KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B(TULIS)/(6)

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN TONY PUJA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 16.03.2010 - 15.04.2010

Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan anggaran bayaran balik pinjaman Kerajaan

- (a) untuk hutang domestik bagi setiap tahun dari 2011 sehingga 2020; dan
- (b) untuk hutang antarabangsa bagi setiap tahun dari 2011 sehingga 2020.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayaran balik hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus hasil daripada pendekatan pengurusan hutang yang berhemat. Kesemua bayaran balik hutang telah dibuat mengikut jadual yang ditetapkan. Bagi tahun 2009,

Kerajaan Persekutuan telah membuat pembayaran balik pinjaman berjumlah RM51.07 bilion pinjaman iaitu RM44.33 bilion bayaran balik pinjaman dalam negeri dan RM6.74 bilion bayaran balik pinjaman luar negeri. Unjuran bayaran balik hutang Kerajaan dari tahun 2010 sehingga 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN**.

BAYARAN BALIK PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2009 - 2020

TAHUN	BAYARAN BALIK (RM Juta)		Jumlah (RM Juta)
	DOMESTIK	LUAR NEGERI	
2009	44,331.34	6,786.82	51,118.16
2010	47,697.11	782.48	48,481.14
2011	48,878.48	6,684.46	55,563.92
2012	49,772.78	597.57	50,370.35
2013	42,075.00	613.00	42,688.00
2014	45,600.00	780.65	46,380.65
2015	24,675.00	381.26	25,056.26
2016	13,700.00	268.30	13,968.30
2017	19,000.00	198.49	19,198.49
2018	29,600.00	58.82	29,658.82
2019	24,100.00	146.95	24,246.95
2020	3,500.00	149.16	3,649.16

Nota:

* Hutang Kerajaan Persekutuan sehingga 31.12.2009 adalah seperti berikut:

DOMESTIK (RM Juta)	LUAR NEGERI (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
348,599.95	13,786.22	362,386.17

SOALAN NO. 122

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)

SOALAN

Y.B. Tuan Tony Pua Kiam Wee minta **Perdana Menteri** menyatakan dengan jadual dan butiran terperinci kos yang diperlukan untuk mengekspropriasi setiap lebuhraya bertol yang dimaklum pada sesi Parlimen yang lalu sebagai berjumlah RM231 bilion pada keseluruhannya.

JAWAPAN

Berdasarkan penemuan kajian yang boleh dirumuskan setakat ini, pengambilalihan konsesi lebuhraya bukanlah penyelesaian terbaik yang boleh diambil oleh Kerajaan bagi menangani isu-isu yang dibangkitkan terutamanya mengenai tol. Dari sudut kos, pengambilan konsesi lebuhraya akan melibatkan kos kehadapan (*upfront*) sebanyak RM45.2 bilion tidak termasuk tanggungan kos lain seperti kos operasi, kos kewangan dan kos modal masa hadapan yang dijangka menelan belanja tambahan sekurang-kurangnya RM186.4 b pada nilai nominal. Kos pengambilalihan yang tinggi ini akan menggunakan wang rakyat selaku pembayar cukai sedangkan manfaatnya akan hanya dinikmati oleh sebahagian kecil rakyat Malaysia iaitu 34 peratus daripada jumlah pemandu berlesen (mewakili hanya 13.8 peratus daripada jumlah penduduk Negara). Secara perbandingan, kos kehadapan sebanyak RM45.2 bilion bagi pengambilalihan lebuhraya adalah bersamaan dengan jumlah peruntukan dalam Bajet 2009 bagi menyediakan:

- i) 300,000 unit rumah kos rendah tiga bilik di kawasan luar Bandar (RM10b);
- ii) pembinaan Jalan Persekutuan sepanjang 266km dan jalan Luar Bandar sepanjang 230 km di Sabah dan Sarawak (RM6.3b);

- (ii) peningkatan kerudungan perkembangan kesihatan termasuk pembinaan hospital klinik dan kuarters kesihatan (RM13.7 b)
- (b) penambahan laluan sepanjang 15 km bagi laluan LRT Laluan Ampang dan Kelana Jaya dan laluan baru LRT sepanjang 42km bagi laluan Kota Damansara-Cheras/Kajang (RM13.6b); dan
- (c) pembinaan 26 buah sekolah rendah dan 41 buah sekolah menengah (RM11.6b).

Namun demikian, perkiraan yang lebih utama adalah kesan pengambilalihan lebuhraya yang dibimbangi akan menjasakan kestabilan iklim pelaburan negara dan memberi isyarat yang tidak memberansangkan kepada pihak pelabur yang selama ini menjadi jentera penggerak ekonomi negara. Berdasarkan pertimbangan tersebut, Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk mengambil alih konsesi tol seperti yang dicadangkan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta Menteri Pelajaran menyatakan dengan jadual secara terperinci markah yang diberikan mengikut kriteria yang ditetap untuk penentuan "High Performance School" (HPS) bagi 50 buah Sekolah Menengah dan 50 buah Sekolah Rendah yang terbaik. Apakah sebabnya Sekolah Rendah Kebangsaan Jenis Cina dan Tamil tidak termasuk dalam penentuan HPS.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memperkenalkan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) seperti yang digariskan dalam salah satu daripada sub Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), merupakan usaha KPM dalam melaksanakan transformasi dan penambahbaikan dari semasa ke semasa untuk menjamin kualiti pendidikan negara berada pada tahap yang tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat, KPM mensasarkan 100 buah SBT dapat diwujudkan menjelang tahun 2012. Sehubungan itu, KPM telah membuat perancangan untuk memilih sekolah di negara ini secara berperingkat-peringkat iaitu dimulai dengan 20 buah untuk tahun ini, manakala 30 buah lagi akan dipilih pada Tahun 2011 dan selebihnya, iaitu 50 buah pada 2012.

SBT merupakan pengiktirafan yang diberikan kepada sekolah-sekolah yang telah menunjukkan kecemerlangan secara berterusan dan mengekalkan kecemerlangan daripada pelbagai aspek sejak sekian lama. Langkah KPM memperkenalkan SBT ini adalah untuk mengangkat tahap kualiti pendidikan Negara ke tahap yang paling tinggi

sehingga ke peringkat global. Kewujudannya juga sebagai penanda aras yang menjadi pengukuran bagi sekolah-sekolah lain di negara ini.

Pemilihan SBT adalah melalui proses dua saringan iaitu;

- **SARINGAN PERTAMA** adalah berdasarkan skor komposit yang diperoleh oleh sekolah. Skor komposit terdiri daripada Grad Purata Sekolah (GPS) untuk UPSR bagi Sekolah Rendah, dan gabungan PMR, SPM dan STPM untuk sekolah menengah serta skor Penarafan Kendiri Sekolah (PKS) yang menggunakan instrumen Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) yang telah diverifikasi. Bagi sekolah-sekolah melepasasasaran atau *Exceed Target* (ET) iaitu sekolah rendah yang melepas skor komposit 84 peratus dan sekolah menengah yang melepas skor komposit 92 peratus boleh dicalonkan untuk diproses dalam Saringan Kedua.
- **MELALUI SARINGAN KEDUA** pula, sekolah akan dinilai berdasarkan skor kriteria annex. Skor ini dinilai berdasarkan Instrumen Annex yang dibahagikan kepada 5 komponen bagi mengukur;
 - i) personaliti unggul yang dihasilkan oleh sekolah;
 - ii) anugerah yang diterima pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
 - iii) jalinan dengan institusi pengajian tinggi;
 - iv) jaringan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
 - v) pencapaian berbanding penanda aras di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Bagi sekolah rendah, hanya tiga (3) skor tertinggi daripada 5 komponen, manakala empat (4) skor tertinggi untuk sekolah menengah akan diambil kira untuk pengiraan skor annex. Berdasarkan skor annex inilah, maka sekolah akan di *rank* semula daripada kedudukan tertinggi hingga yang terendah. Daripada kedudukan itulah kita memilih SBT seperti kumpulan pertama sebanyak 20 buah sekolah yang telah

diumumkan baru-baru ini. Untuk makluman, ranking untuk Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah adalah berasingan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui pengiktirafan SBT ini, sekolah-sekolah tersebut akan menikmati pelaksanaan program latihan dan pembangunan profesionalisme guru dan pemimpin, pemberian autonomi kepada pihak sekolah untuk melaksanakan kurikulum dan pengurusan kakitangan yang luwes, penyediaan ganjaran berteraskan prestasi sekolah, guru-guru serta kakitangan dan pelaksanaan program bimbingan kepada sekolah lain.

Semua sekolah berpeluang dan layak diiktirafkan sebagai SBT. Namun demikian, bagi sekolah-sekolah yang belum mencapai tahap tersebut, KPM akan memperkenalkan *School Improvement Programme* (SIP) bagi membantu sekolah-sekolah melonjakkan prestasi pencapaian masing-masing. SIP yang diperkenalkan ini mengandungi dua perkara utama iaitu:

- a) Toolkit Pembangunan Prestasi Sekolah (*School Improvement ToolKit*) (SIT) bagi menganalisis kekuatan dan kekurangan sesebuah sekolah berdasarkan 4 elemen utama iaitu kepimpinan, guru, murid dan ibu bapa serta infrastruktur;
- b) Pelan Pembangunan Prestasi Sekolah (*School Improvement Plan*).

Hasil daripada analisis SIT, setiap sekolah akan merangka dan merancang Pelan Pembangunan Prestasi Sekolah masing-masing. Pelan Pembangunan yang telah dirangka akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Program Pembangunan Prestasi Sekolah yang berpusat di Kementerian untuk dianalisa bagi menentukan pelan terbaik untuk sekolah. Program ini akan mula dilaksanakan oleh semua sekolah mulai penghujung bulan ini.

Program pembangunan prestasi sekolah ini bukan perkara baru, tetapi yang baru adalah pendekatan *bottom-up* bagi meningkatkan prestasi sekolah tersebut serta sistem pemantauan yang lebih sistematik kerana ia merupakan inisiatif baru dalam NKRA Pendidikan. Justeru, semua pelaksanaan dan prestasi program ini akan dipantau melalui Sistem Pemantauan Program, yang mana laporan mingguan dan bulanan mengenai prestasi program akan dikemukakan kepada pihak PEMANDU untuk dipantau.

Berdasarkan kepada ranking Sekolah Rendah yang ada sekarang, didapati bahawa kebanyakan sekolah yang berada di kawasan luar bandar dan pedalaman berada dalam kelompok Sekolah Berprestasi Rendah. Oleh yang demikian, Pelan Pembangunan Prestasi Sekolah ini akan memberi tumpuan khusus kepada sekolah-sekolah berkenaan mulai tahun ini yang bertujuan untuk membantu dan memastikan sekolah-sekolah berkenaan dapat melonjakkan prestasi mereka ke tahap yang lebih baik.

Di samping itu, KPM juga turut menitikberatkan teras merapatkan jurang pendidikan di bandar dan luar bandar. Strategi yang dikenalpasti ke arah merapatkan jurang berkaitan termasuklah membangunkan infrastruktur dan kemudahan pendidikan luar bandar, meningkatkan bilangan guru terlatih dan mengikut opsyen di kawasan pedalaman serta menambah baik sistem pengagihan bantuan kepada murid miskin, berkeperluan khas dan kumpulan minoriti.

NO. AUM : ~~125~~ 124

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]**

TARIKH :

RUJUKAN : 2510

SOALAN:

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dengan jadual terperinci mengenai indeks kadar jenayah:-

- (a) mengikut kawasan di negeri Selangor dan jenis jenayah dari 2005 hingga 2009; dan
- (b) mengikut negeri di Malaysia dan jenis jenayah dari 2005 hingga 2009.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara yang mengemukakan pertanyaan.

Mengikut klasifikasi PDRM, Jenayah Indeks dikategorikan kepada dua (2), iaitu, jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Jenayah kekerasan terdiri daripada bunuh, samun berkawan bersenjata api, samun berkawan tanpa senjata api, samun bersenjata api, samun tanpa senjata api, rogol dan mencederakan (*assault*). Jenayah harta benda terdiri daripada pecah rumah (siang hari), pecah rumah (malam hari), curi motor lori / van / jentera berat, curi motokar, curi motosikal, curi ragut dan curi.

Bagi negeri Selangor, pada tahun 2005, perangkaan menunjukkan kadar jenayah kekerasan ialah 15% dan jenayah harta benda sebanyak 85% daripada jumlah keseluruhan kes jenayah indeks yang dilaporkan. Bagi tahun 2006, kadar jenayah kekerasan ialah 18% dan jenayah harta benda 82%. Bagi tahun 2007, kadar jenayah kekerasan ialah 19% dan jenayah harta benda 81%. Sementara itu, bagi tahun 2008 kadar jenayah kekerasan ialah 20% dan jenayah harta benda 80%. Kadar Jenayah Indeks bagi tahun 2009 menunjukkan peratusan yang sama dengan tahun sebelumnya.

Daerah Pentadbiran Polis yang menunjukkan kadar jenayah indeks yang tinggi bagi tahun 2005 ialah Petaling Jaya Utara, diikuti oleh Subang Jaya dan Ampang Jaya. Bagi tahun 2006 pula Petaling Jaya Utara, diikuti oleh Ampang Jaya dan Subang Jaya. Bagi tahun 2007 Petaling Jaya Utara, diikuti oleh Subang Jaya dan Ampang Jaya. Untuk tahun 2008 pula Petaling Jaya Utara, diikuti oleh Subang Jaya dan Gombak. Bagi tahun 2009 Petaling Jaya Utara, diikuti oleh Subang Jaya dan Ampang Jaya.

Untuk kadar jenayah indeks bagi seluruh Malaysia pula, dari tahun 2005 hingga tahun 2008, ia menunjukkan peningkatan untuk setiap tahun. Bagaimanapun, pada tahun 2009 ia menunjukkan penurunan sebanyak 1% berbanding dengan tahun sebelumnya. Untuk tahun 2006, telah wujud peningkatan jumlah jenayah indeks yang dilaporkan, iaitu sebanyak 25% berbanding tahun 2005. Bagi tahun 2007, peningkatan sebanyak 7% berbanding tahun 2006, dan tahun 2008 peningkatan sebanyak 7% berbanding tahun 2007.

Empat (4) buah negeri yang telah mencatatkan kadar jenayah indeks tertinggi ialah Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Selangor. Negeri-negeri ini telah dikategorikan sebagai negeri *hotspot* dan menjadi tumpuan Kerajaan untuk mengurangkan jenayah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANWAR BIN NASARAH
(LENGGONG)

NO.SOALAN : 125

DATO' SHAMSUL ANWAR BIN NASARAH (LENGGONG) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan :-

- (a) koperasi yang berjaya dalam negara ini. Apakah usaha Kementerian bagi membangunkan koperasi terutama di luar bandar; dan
- (b) secara perbandingan bagaimana kedudukan koperasi negara ini berbanding dengan negara maju yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah menyenaraikan 100 buah koperasi sebagai koperasi yang paling berjaya. Koperasi-koperasi ini adalah koperasi yang terbaik berasaskan pencapaian prestasi kewangan (perolehan, aset dan ekuiti), perniagaan, pengurusan dan pematuhan perundangan yang memuaskan mengikut piawaian (standard) yang ditetapkan oleh SKM dan diselaraskan

dengan kriteria yang digunakan oleh Perikatan Koperasi Antarabangsa [*International Co-operative Alliance (ICA)*].

Usaha-usaha membangunkan koperasi terutama di luar bandar dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia , antaranya:

- menggalakkan koperasi menceburi aktiviti pemberongan dan peruncitan, pemerosesan barang-barang pertanian, menyediakan produk pelancongan contohnya *homestay*, dan lain-lain aktiviti ekonomi yang boleh menjana pendapatan dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat luar bandar; dan
- membantu meningkatkan kapasiti koperasi-koperasi dalam aktiviti yang sedang dijalankan melalui program-program khidmat nasihat, peningkatan tadbir urus, latihan dan menyediakan pembiayaan.

- (b) Di Malaysia, sumbangan gerakan koperasi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah sekitar 1 peratus berbanding dengan sumbangan gerakan koperasi di negara maju yang jauh lebih tinggi seperti New Zealand (22%), Switzerland (16.4%) dan Finland (21%). Sumbangan koperasi di negara-negara membangun seperti Vietnam (8.6%), Colombia (5.6%) dan Argentina (6.0%) juga tinggi.

Sungguhpun demikian, sumbangan koperasi di negara ini dari segi sosial agak membanggakan di mana koperasi perbankan dan kredit telah memainkan peranan berkesan dalam menyediakan kemudahan pinjaman peribadi untuk anggota koperasi. Koperasi jenis ini menyumbang hampir 70 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan tahunan koperasi. Pada tahun 2008, pinjaman peribadi yang dikeluarkan oleh koperasi berjumlah RM33.6 billion berbanding dengan RM5.1 billion yang dikeluarkan oleh bank-bank perdagangan di negara ini pada Januari 2009 (*BNM Monthly Statistical Bulletin*, 2010).

Selain menjanakan pendapatan, koperasi juga berupaya menjaga kebajikan anggota-anggota dan keluarga mereka melalui tabung-tabung kebajikan yang ditubuhkan untuk manfaat anggotanya seperti khairat kematian dan bantuan pelajaran.

SOALAN 126

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN
NASARAH [LENGGONG]**

SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN

menyatakan:

- a) usaha-usaha Kementerian dalam memajukan sektor pelancongan di Lenggong terutama sebagai persediaan Lenggong Tapak Warisan Dunia; dan
- b) bentuk bantuan, sokongan dan program yang boleh dilakukan dalam memajukan sektor pelancongan terutama di luar bandar.

JAWAPAN

Dalam usaha meningkatkan prasarana dan produk pelancongan di Kawasan Parlimen Lenggong, Kementerian dibawah Rancangan Malaysia Ke Lapan (RMKe-8), telah menyediakan peruntukan sebanyak RM2.8 juta untuk membantu membangunkan kemudahan-kemudahan pelancongan di kawasan Tasik Raban iaitu bagi pembinaan tempat penginapan dan kemudahan-kemudahan lain seperti restoran, tempat letak kereta, dan sebagainya.

Di bawah RMK-9 pula, peruntukan sebanyak RM 4.45 juta telah disediakan bagi menambahkan lagi kemudahan pelancongan di Lenggong iaitu menambah chalet-chalet di kompleks sedia ada di samping melakukan kerja-kerja pengindahan di kawasan persekitaran kompleks Muzium Arkeologi.

Selain daripada itu juga, di bawah RMK-9, peruntukan bagi program naiktaraf kemudahan pelancongan telah disediakan seperti berikut di Daerah Lenggong:

Bil.	Nama Projek	Jumlah (RM)
1.	Menaiktaraf Jeti di Kawasan Hentian R&R Tasik Raban	50,000
2.	Menaiktaraf Bangunan Kuarters Sebagai Surau di Rumah Rehat Lenggong	100,000
3.	Menaiktaraf Kemudahan Laiuan Pejalan Kaki dan Wakaf di Hutan Lipur Lata Kekabu, Lenggong	50,000
	Jumlah	200,000

Manakala, dalam memajukan sektor pelancongan luar bandar, Kementerian telah melaksanakan Program Homestay Malaysia yang dilancarkan pada tahun 1995. Ia merupakan sebuah inisiatif di bawah Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar bertujuan untuk meningkatkan penyertaan masyarakat luar bandar di dalam sektor pelancongan.

Sehingga 31 Januari 2010, Kementerian Pelancongan Malaysia telah mendaftarkan sebanyak 141 buah homestay di seluruh negara yang terdiri daripada 256 buah kampung. Daripada jumlah ini, sebanyak 3,203 buah rumah atau pengusaha telah menyertai program homestay ini dan menawarkan sebanyak 4,414 buah bilik.

Homestay Kampung Beng di Daerah Lenggong turut terlibat di dalam program ini dengan seramai 42 orang penduduk telah mendaftar sebagai peserta Homestay dengan Kementerian Pelancongan. Program ini secara tidak langsung telah menyumbang pendapatan sampingan sebanyak RM142,000 kepada peserta Homestay di Kampung Beng pada tahun 2009. Kementerian Pelancongan juga telah memperuntukkan sebanyak RM300,000 bagi menaiktaraf kemudahan sedia ada seperti membina pusat aktiviti Homestay, bengkel, wakaf, naiktaraf jalan masuk dan lanskap.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
(LENGGONG)**

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha mengatasi masalah berkaitan Sistem eKasih. Apakah Kementerian bercadang untuk menurunkan sebahagian kuasanya kepada Jawatankuasa Fokus Group Basmi Kemiskinan Daerah supaya isu berkaitan dengannya dapat diselesaikan.

JAWAPAN:

Kerajaan telah membangunkan satu Bank Data Kemiskinan Nasional yang dikenali sebagai eKasih untuk mengintegrasikan data dan menempatkan maklumat berkaitan dengan profil keluarga miskin dan miskin tegar di bandar dan luar bandar, jenis bantuan yang diterima serta projek yang mereka terlibat. Walau bagaimanapun terdapat isu dan masalah di peringkat pelaksanaan terutamanya dari segi kemasukan maklumat keluarga miskin dan layak untuk diberikan bantuan. Masalah cakupan dan liputan serta aksesibiliti masih dibangkitkan terutamanya di kawasan pedalaman dan terpencil.

Bagi mengatasi masalah pelaksanaan dan penggunaan eKasih dengan lebih berkesan dan berterusan, kemudahan pendaftaran terbuka disediakan melalui sistem “on-line” dan juga melalui pemimpin tempatan dan agensi serta jabatan yang melaksanakan projek dan program. Selain daripada itu sesi takdimat dan penerangan kepada kumpulan-kumpulan tertentu sentiasa dijalankan dengan kerjasama agensi bukan kerajaan dan jabatan di setiap peringkat.

Kerajaan juga telah menubuhkan *Focus Group* Mengenai Pembasmian Kemiskinan di peringkat Persekutuan, negeri dan daerah. *Focus Group* Peringkat Persekutuan memutuskan dasar berkenaan pembasmian kemiskinan sementara *Focus Group* Peringkat Negeri pula menyelaraskan penggunaan maklumat dalam eKasih untuk perancangan projek dan bantuan untuk mengelakkan pertindihan. *Focus Group* peringkat Daerah pula menentukan kumpulan sasaran dan keperluan mereka di kawasan masing-masing. Oleh itu tidak timbul penurunan kuasa kepada *Focus Group* Daerah kerana penubuhan *Focus Group* merupakan mekanisme untuk melaksanakan penggunaan eKasih untuk menentukan ketepatan data atau melengkapkan maklumat dalam eKasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE-3, PARLIMEN KE-12**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN/ BERTULIS

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
(LENGGONG - BN)**

SOALAN

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah (Lenggong – BN) minta Menteri Belia Dan Sukan menyatakan :-

- (a) Pencapaian Program Rakan Muda dalam menyelesaikan masalah sosial remaja; dan
- (b) Bagaimana sambutan generasi muda kepada program di Institut Kemahiran Belia Negara. Apakah Kementerian merancang menambah bilangan IKBN di seluruh negara.

JAWAPAN (a)

Untuk makluman Yang Berhormat, program-program Rakan Muda lebih kepada memberi ruang dan alternatif kepada golongan remaja untuk mengisi masa senggang dengan lebih berfaedah melalui program-program yang dirancang. Program Rakan Muda adalah berkonsepkan "Dari Remaja Untuk Remaja dan Komuniti". Ia juga merupakan program pembangunan sosial dengan tumpuan untuk melahirkan generasi pewaris yang sempurna, bertanggungjawab, aktif, berkeyakinan dan berupaya mengawal diri (jati diri) serta menghapuskan amalan-amalan negatif seperti lepak dan sebagainya. Selain itu, program ini turut memberi penekanan kepada elemen pembangunan diri remaja, seperti

patriotisme, kesuksesan, berbudaya, pendidikan moral yang selaras dengan pembentukan modal insan dan diberi penekanan oleh kepimpinan negara.

JAWAPAN (b)

1. Sambutan generasi muda terhadap program di Institut Kemahiran Belia Negara adalah sangat menggalakkan. Ini dapat dibuktikan dengan jumlah permohonan dan pengambilan calon ke IKBN dari tahun 2001 hingga 2009 yang menunjukkan peningkatan. Sebagai contoh, jumlah permohonan pada tahun 2008 adalah sebanyak 42,904 dan diluluskan sebanyak 7,709 permohonan. Manakala, tahun 2009 pula permohonan yang diterima adalah sebanyak 50,654 dan pengambilan pelajar adalah seramai 8,264 orang.

2. Pada masa kini, terdapat 15 buah IKBN / IKTBN di seluruh Malaysia dengan kapasiti pelajar yang boleh diisi ialah seramai 11,000 orang. Dalam tempoh Rancangan Malaysia ke9 (tahun 2006 - 2010), 6 buah IKBN baru sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2010 dan 2011 serta dapat menampung tambahan seramai 3,000 orang pelajar bagi setiap sesi pengambilan. IKBN baru tersebut adalah:
 - (i) IKBN Pekan, Pahang;
 - (ii) IKBN Bandar Penawar, Johor;
 - (iii) IKBN Naka, Kedah;
 - (iv) IKBN Kuala Langat, Selangor;
 - (v) IKBN Kemasiik, Terengganu; dan
 - (vi) IKBN Tanah Merah, Kelantan.

NI:129

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2010
(15 MAC HINGGA 15 APRIL 2010)**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' SHAMSUL
ANUAR BIN NASARAH
[LENGGONG]
SOALAN : 1201

YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH minta
MENTERI KKLW menyatakan :-

- (a) Usaha terbaru Kementerian meningkatkan pencapaian MARA; dan
- (b) Apakah pihak MARA ada perancangan mewujudkan pusat pendidikan, ruang perniagaan baru dalam RMK-10 akan datang dan

Kementerian
Menyatakan
berkenaan.

JAWAPAN (a):

Tuan Yang di-Pertua,

Pelbagai usaha sedang dirangka supaya MARA menjadi di antara peneraju utama pembangunan luar bandar. Di antara langkah penting dan tindakan yang telah dan akan diambil adalah seperti berikut:-

Pertama : Kecemerlangan Pendidikan

Menambahbaik Sektor Pendidikan MARA melalui kajian yang lebih mendalam dengan tujuan untuk menjana bakat cemerlang, membina intelektual, emosi, kerohanian, mental dan fizikal. Penjanaan bakat cemerlang ini adalah melibatkan para pelajar dan tenaga pendidik serta individu diperingkat pengurusan sektor pendidikan MARA.

Kedua: Program Latihan Kemahiran

Merangka satu sistem latihan kemahiran yang bersifat holistik agar pelajar yang dilahirkan bukan sekadar berjaya mendapat pekerjaan tetapi juga mampu menjadi seorang usahawan yang berjaya. Justeru itu, kolej-kolej baru yang akan diwujudkan akan

Ditekankan aspek tersebut di samping melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang boleh memenuhi kehendak pasaran. Sebagai contoh, GIATMARA telah melahirkan seramai 191,928 pelajar (1986 sehingga 2009) dan Institut Kemahiran MARA (IISM) seramai 111,058 pelajar (1986 sehingga 2009).

Ketiga: Pembangunan Usahawan dan Enterprise
MARA telah memberi latihan dan bimbingan kepada seramai 649,720 usahawan (1986 sehingga 2009). Selain itu, MARA turut menyediakan ruang-ruang perniagaan kepada usahawan Bumiputera yang mana kini jumlahnya telah pun mencapai 6,407 lot premis. Usaha-usaha baru yang akan diteruskan termasuklah membimbing usahawan dan bakal usahawan MARA menceburi bidang-bidang baru seperti *petrochemical, nanotechnology, biotechnology, neurotechnology* dan juga aplikasi *Information, Communication & Technology (ICT)* secara meluas.

JAWAPAN (b):

Tuan Yang di-Pertua,

MARA di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) akan terus memantap dan memperkasakan Bumiputera dalam bidang ekonomi dan pendidikan bagi memastikan masyarakat Bumiputera terus maju.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, MARA telahpun **mencadangkan** kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi mewujudkan pusat-pusat pendidikan dan ruang perniagaan baru seperti berikut:-

- i. **27 buah institusi pendidikan baru** yang melibatkan 3 buah Institut Kemahiran MARA (IKM), sebuah Kolej MARA, sebuah Kolej Profesional MARA, 2 buah Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) dan 20 buah GIATMARA. Kesemua 27 buah institusi pendidikan baru ini dijangka akan dapat memberi peluang pendidikan kepada **seramai 13,220 pelajar** baru; dan

18 buah premis perniagaan baru yang akan memberi manfaat kepada penyewa baru seramai 384 usahawan.

No: 130

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BERTULIS**

DARIPADA : **TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA**
[PADANG TERAP]

SOALAN : **NO. 130**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan langkah Kerajaan dalam menangani Reserve Margin elektrik (di Semenanjung Malaysia) yang berada dalam lingkungan 47% supaya ia dapat dikurangkan kepada 20% (*international standard*) dan juga langkah membiayai kos 47% ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Permintaan bekalan elektrik adalah berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi negara. Justeru itu, sebarang perubahan yang berlaku dalam senario ekonomi negara akan memberikan kesan kepada permintaan elektrik sebenar. Krisis ekonomi global yang mula melanda negara pada tahun 2008 telah mengakibatkan pertumbuhan permintaan sebenar elektrik di Semenanjung jauh lebih rendah daripada apa yang diramalkan. Ini menyebabkan tahap simpanan atau *reserve margin* di Semenanjung Malaysia berada dalam lingkungan 49% pada masa ini.

Bagi mengurangkan tahap *reserve margin* yang tinggi ke tahap yang lebih optimum iaitu dalam lingkungan 25%, Kerajaan telah memutuskan untuk tidak membina loji-loji jana kuasa baru di Semenanjung kerana loji-loji jana kuasa sedia ada mampu memenuhi permintaan elektrik di Semenanjung sehingga tahun 2015. Dengan mengambil kira pertumbuhan permintaan elektrik pada kadar purata 3 peratus setahun, langkah ini dijangka dapat mengurangkan *reserve margin* di Semenanjung kepada 25% pada tahun 2015.

Bagi mengurangkan pembayaran *reserve margin* yang tinggi, Kerajaan berhasrat untuk mengadakan semula perbincangan bersama pihak penjana bebas atau *independent power producers* (IPP) untuk merunding semula *Power Purchase Agreement* (PPA) bagi mengurangkan pembayaran kapasiti kepada IPP. Dengan ekonomi negara yang semakin pulih, Kerajaan berpendapat bahawa ini merupakan waktu terbaik untuk merunding semula PPA dengan IPP.

.....

SOALAN NO .131

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAPAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA (PAS)
(PADANG TERAP)

TARIKH : 16 MAC 2010 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (PAS) (Padang Terap) minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan langkah kerajaan bagi meningkatkan kasih sayang sesama
ahli keluarga dan masyarakat.

- iii) bekerjasama dengan Focus on the Family Malaysia dalam penganjuran "Family Motor Hunt" pada 7 November 2009, bersempena dengan sambutan Hari Keluarga; dan
- iv) Persidangan Penduduk dan Pembangunan 2009 sempena dengan sambutan Hari Penduduk Sedunia dengan memberi fokus kepada isu semasa berkaitan pembangunan keluarga, kesihatan reproduktif dan kependudukan.

Selain itu, Kementerian melalui LPPKN turut melaksanakan beberapa strategi melalui inisiatif-inisiatif berikut:

- i) Program Pengukuhan "Nilai Keluarga" yang dijalankan dengan kerjasama beberapa Badan Bukan Kerajaan (NGO) mulai tahun 2010 hingga 2012. Inisiatif ini bertujuan untuk menyuburkan semua nilai-nilai murni seperti Hormat Menghormati, Bertanggungjawab, Integriti, Kesediaan (*Availability*) dan Kawalan Diri yang dilihat semakin terhakis. Aspek yang diberi penekanan bagi tahun ini adalah nilai yang boleh diterapkan daripada datuk, nenek, ibu dan bapa kepada generasi muda agar mereka sentiasa berpegang kepada nilai-nilai murni tersebut;

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
SOALAN : NO.55

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap penghantaran pelajar ke luar negara memandangkan sudah banyak institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta wujud di dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa ini masih meneruskan penghantaran pelajar ke luar negara samada di peringkat ijazah pertama ataupun ijazah lanjutan melalui agensi-agensi penaja kerajaan ke universiti-universiti terkemuka dunia. Selain itu, pelajar-pelajar cemerlang juga ditaja di IPT dalam negara samada IPT awam dan juga swasta.

Penghantaran pelajar ke luar negara dibuat berdasarkan:

- i. kekurangan tempat pengajian dalam negara dalam bidang-bidang tertentu;
- ii. kerjasama antara kerajaan (G2G); dan
- iii. untuk memberikan pendedahan kepada pelajar agar lebih berdaya saing

Berdasarkan kepada keperluan ini, kerajaan masih lagi meneruskan penghantaran pelajar cemerlang ke luar negara di samping menawarkan tempat di IPT tempatan. Walau bagaimanapun, jumlah penghantaran pelajar ke luar negara berubah mengikut kemampuan kewangan kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE-3, PARLIMEN KE-12**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAPAN LISAN/BERTULIS

DARIPADA : TUAH MOHD NASIR BIN ZAKARIA
[PADANG TERAP - PAS]

SOALAN:

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap – PAS] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan status Program Rakan Muda. Berapakah keseluruhan perbelanjaan sepanjang program ini dilancarkan oleh Kerajaan.

JAWAPAN

1. Sehingga kini, program Rakan Muda yang telah dimulakan sejak tahun 1994 masih lagi dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Namun pada masa yang sama, Kementerian Belia dan Sukan melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) sedang menjalankan kajian untuk membuat penilaian menyeluruh mengenai sambutan dan relevansi program Rakan Muda. Kajian ini melibatkan responden daripada bekas-bekas peserta program Rakan Muda dan juga belia yang tidak menyertai program-program di bawah Rakan Muda.

2. Sehingga 30 Mac 2010, jumlah perbelanjaan program Rakan Muda adalah sebanyak RM510,405,256.

No: 134

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
[PADANG TERAP]**

SOALAN : NO. 134

SOALAN


Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah dengan terlaksananya *Goods and Services Tax (GST)*, *Independent Power Producers (IPP)* akan memindahkan bebanan kepada *off-taker* iaitu TNB (di Semenanjung) dan Sabah Electricity Sdn Bhd/SESB (di Sabah) dan Sarawak Electricity Corporation/SESCO (di Sarawak) dan akhirnya rakyat dan industri. Bagaimana Kerajaan menjelaskan persoalan bebanan yang bakal dihadapi oleh rakyat dan industri ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,
Secara asasnya, pelaksanaan *Goods and Services Tax (GST)* tidak akan menjadi bebanan tambahan kepada "Independent Power Producers" (IPP) dan juga kepada "off-taker" iaitu TNB, SESB dan SESCO memandangkan pihak IPP dan "off-taker" boleh menuntut semula GST yang dibayar ke atas semua input perniagaan mereka daripada Kerajaan. Bagi pengguna industri pula, GST yang

dibayar atas penggunaan bekalan elektrik juga boleh dituntut semula daripada Kerajaan.

Bagi mengurangkan beban kewangan rakyat, Kerajaan juga akan memberi pelepasan daripada dikenakan GST kepada pengguna domestik yang penggunaan elektriknya kurang daripada 200 unit sebulan.



NO. AUM : 136 135

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : -

RUJUKAN : 2570

SOALAN:

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah statistik anak
luar nikah mengikut agihan kaum di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah anak luar nikah yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 di Malaysia bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seramai 214,033 orang. Pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

- Melayu - 74,723 orang;
- Cina - 23,692 orang;
- India - 23,696 orang; dan
- Lain-lain kaum - 91,922 orang.

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
SOALAN NO : 136

SOALAN:

Dr. Mujahid Bin Haji Yusof Rawa (Parit Buntar) minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaan Malaysia menangkis tanggapan bahawa Malaysia adalah syurga selamat bagi kegiatan pengganas yang menjadikan Malaysia sebagai tapak.

JAWAPAN:

Dakwaan yang mengaitkan Malaysia sebagai syurga selamat kepada kegiatan pengganas adalah tidak benar. Walau bagaimanapun tidak dinafikan bahawa kemakmuran dan kepelbagaian kaum dan etnik di negara ini telah menjadi faktor tarikan kepada elemen-elemen militan atau pengganas yang berniat menjadikan Malaysia sebagai tempat pertemuan, tempat berlindung (*safe heaven*), menjana ekonomi dan juga meraih sokongan serta simpati kepada pergerakan mereka.

Malaysia menentang segala bentuk keganasan (*terrorism*) dan menekankan bahawa punca kepada berlakunya keganasan perlu ditangani. Langkah-langkah pencegahan dan usaha berterusan oleh pasukan keselamatan negara dalam melumpuhkan pergerakan kumpulan-kumpulan militan tempatan (*homegrown*) dan menangkap elemen-elemen pengganas dari luar yang masuk ke negara ini jelas menunjukkan komitmen Kerajaan supaya Malaysia tidak dijadikan tempat untuk aktiviti keganasan bertapak dan memastikan Negara bebas daripada ancaman keganasan. Sejak tahun 2001 sehingga Mac 2010, seramai 154 orang yang terbabit dengan kegiatan keganasan telah ditangkap oleh pihak berkuasa negara. Mereka yang ditangkap terdiri daripada 117 anggota kumpulan Jemaah Islamiah (JI); 16 orang anggota kumpulan Darul Islam; 14 orang anggota kumpulan Al Qaeda dan 7 orang anggota kumpulan Abu Sayaf.

Keganasan merupakan satu ancaman bersifat bukan tradisional dan rentas sempadan. Sehubungan itu Kerajaan dalam menangani ancaman ini, turut mengambil bahagian dalam kerjasama serantau dan antarabangsa termasuk aspek-aspek pertukaran maklumat dan kepakaran, latih amal dan sebagainya.

NO - 137-

SJ.B/(TULIS)/(8)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
(PARIT BUNTAR)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 16.03.2010 ... 16.04.2010

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa (Parit Buntar) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapa peratuskah secara purata kecekapan keberkesahan perbelanjaan bajet negara 2008 yang lalu mengikut Kementerian dan gariskan apakah perkara-perkara yang menyebabkan kelemahan berlaku.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB, secara keseluruhan peratus perbelanjaan bajet negara 2008 yang lalu adalah sebanyak 100.98% bagi perbelanjaan mengurus dan 91.21% bagi perbelanjaan pembangunan. Pecahan keberkesahan perbelanjaan bajet 2008 mengikut kementerian adalah seperti di Lampiran A bagi perbelanjaan mengurus dan Lampiran B bagi perbelanjaan pembangunan.

2. Dari segi perkara-perkara yang menyebabkan kelemahan dalam perbelanjaan berlaku, antara lain adalah disebabkan oleh isu berkaitan tanah termasuk masalah settinggan, isu berkaitan kontraktor seperti permohonan variation order disebabkan

peningkatan kos bahan binaan serta perubahan skop projek dan faktor cuaca yang tidak mengizinkan. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 juga telah membangkitkan kelemahan-kelemahan yang tertentu.

PERSETIAAN PEMERINTAH MENGATASI KEGIATAN EKONOMI YANG

T.1.E.64	JUMLAH MAKNAU TANGGUNGJAWAB	Rp. 220,000,000	Rp. 165,904,000	Rp. 102,000,000	22,0%
B.1	Pertumbuhan Ekonomi	10,521,000	7,624,400	7,624,400	67,0%
B.2	Pembangunan Infrastruktur	1,265,000	1,068,000	1,068,000	80,9%
B.3	Infrastruktur	116,077,000	81,077,000	81,077,000	70,0%
B.4	Sumberdaya Manusia	50,221,000	38,211,000	38,211,000	56,4%
B.5	Grafik dan Pendekatan Strategis	10,110,000	8,010,000	8,010,000	80,1%
B.6	Infrastruktur Perekonomian Nasional	3,425,576,000	2,524,702,000	2,524,702,000	56,4%
B.7	Jenis-jenis Persestiaan	1,824,000,000	1,370,200,000	1,370,200,000	75,6%
B.8	Jenis-jenis Persestiaan Nasional	121,721,000	101,221,000	101,221,000	81,0%
B.9	Budaya Persestiaan Nasional	175,327,000	140,727,000	140,727,000	87,3%
B.10	Perbedaanwana	2,122,828,000	1,612,520,000	1,612,520,000	77,6%
B.11	Perkembangan Arah Perbandingan	15,152,600,000	12,152,600,000	12,152,600,000	102,5%
B.12	Perkembangan Komunitas Warga Terdekat	4,023,000,000	4,722,000,000	4,657,378,141	97,0%
B.13	Kemajuan Luar Negeri	406,711,000	343,011,000	333,673,135	100,6%
B.14	Kem. Persestiaan Perkembangan dan Komunitas	216,102,000	166,102,000	867,807,820	91,1%
B.15	Kemajuan Persestiaan dan Indukasi Areal Tant	2,172,528,000	1,672,528,000	4,341,120,000	69,4%
B.16	Kemajuan Kemajuan Luar Border dan Wilayah	1,009,900,000	1,029,900,000	1,026,407,899	99,8%
B.17	Kemajuan Sumber Daya dan Alam Sekitar	220,701,000	1,112,201,000	1,038,505,917	88,0%
B.18	Kem. Persestiaan Antara Sosial & Industri	455,102,000	453,102,000	452,002,004	97,8%
B.19	Kem. Persestiaan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengurungan	409,606,000	326,606,000	642,620,040	91,3%
B.20	Kem. Perkembangan Usaha dan Komersi	2,122,621,000	2,123,221,000	2,132,301,812	100,2%
B.21	Kementerian Kehakiman	1,705,110,000	1,765,110,000	1,720,200,076	97,4%
B.22	Kementerian Pengembangan dan Koperasi	276,406,000	1,008,006,000	1,005,404,610	99,1%
B.23	Kemajuan Tenaga Air dan Komunitas	27,711,000	97,711,000	91,193,223	68,9%
B.24	Kem. Sejahtera, Teknologi dan Inovasi	682,704,000	682,704,000	672,002,022	98,4%
B.25	Kemajuan Pelancongan	820,554,000	827,516,139	793,519,139	95,9%
B.26	Kemajuan Wilayah Persekutuan	229,526,000	220,747,000	192,526,006	88,6%
B.27	Sumbangan Perkembangan Pendidikan	10,492,000	16,492,000	13,192,784	25,2%
B.28	Kementerian Pendidikan	20,022,789,000	20,022,789,000	27,282,020,471	104,7%
B.29	Kementerian Kesehatan	10,679,597,000	10,879,597,000	11,569,100,646	100,2%
B.30	Kem. Perkembangan dan Kordinasi Terpadu	374,520,000	374,920,000	351,750,224	97,9%
B.31	Kem. Kebudayaan, Kesenian dan Warisan	807,242,000	717,824,277	692,138,204	83,0%
B.32	Kementerian R&D dan Sains	131,803,000	476,003,000	474,672,126	92,0%
B.33	Kementerian Sumber Manusia	500,203,000	601,003,000	655,202,202	93,1%
B.34	Kementerian Perorangan	1,068,646,000	1,069,606,000	1,049,000,232	93,0%
B.35	Kem. Pemk. Wanita, Keluarga dan Masyarakat	603,830,000	705,020,000	715,292,501	100,0%
B.36	Kementerian Pengairan Negara	2,813,000,000	2,937,000,000	2,731,221,104	97,2%
B.37	Kementerian Pertahanan	2,020,500,000	2,059,000,000	10,597,277,092	100,0%
B.38	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	1,080,224,000	133,142,246	133,164,765	100,0%
B.39	Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	5,817,776,000	7,077,776,049	7,237,000,260	103,1%

* - Jumlah Persestiaan Tidak termasuk pihak ketiga Kumpulanwang Pembangunan sebanyak RM 281,601,145,06

LAMPIRAN B

PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN MENGIKUT MAKSUD BAGI TAHUN 2008

Maklumat	Jabatan/Yang Dipanggil	Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Maksiut Maksud bagi Tahun 2008			
		Bantuan Dari APBN	Bantuan Dari APBD	Pembelanjaan Dalam Negeri	Pembelanjaan Di Luar Negeri
P.6	Jabatan Perdana Menteri	3,665,410,000	3,642,653,070	3,481,197,133	95.57
P.7	Jabatan Perkhidmatan Awam	69,914,000	69,914,000	60,310,360	86.26
P.10	Perbendaharaan	2,161,833,000	2,161,833,040	1,996,638,284	92.36
P.13	Kementerian Luar Negeri	186,050,000	186,050,000	92,327,935	49.63
P.20	Kem. Perusahaan Perladangan dan Komuniti	207,297,000	207,297,010	187,556,610	90.48
P.21	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	1,730,000,000	1,697,782,760	1,658,761,225	97.70
P.22	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	2,411,332,000	2,411,332,000	2,343,177,800	97.17
P.23	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	1,850,028,000	1,850,028,010	2,046,115,495	110.60
P.24	Kem. Perdagangan Antarabangsa & Industri	730,172,000	730,172,020	573,276,085	78.51
P.25	Kem. Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	26,300,000	26,300,000	21,640,623	82.28
P.26	Kem. Pembangunan Usahawan dan Koperasi	1,281,156,000	1,261,156,010	1,189,375,097	94.31
P.27	Kementerian Kerja Raya	4,821,809,000	4,856,350,083	4,856,350,083	100.00
P.28	Kementerian Pengangkutan	2,760,900,000	3,260,900,000	3,207,313,942	98.36
P.29	Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi	2,897,160,000	3,197,160,010	2,899,879,528	90.70
P.30	Kem. Sains, Teknologi dan Inovasi	1,520,000,000	1,520,000,010	1,390,261,290	91.46
P.31	Kementerian Pelancongan	231,161,000	231,161,000	219,971,546	95.16
P.32	Kementerian Wilayah Persekutuan	556,008,000	556,008,000	359,630,737	64.68
P.41	Kementerian Pelajaran	3,510,168,000	4,510,168,000	4,681,213,992	103.79
P.42	Kementerian Kesihatan	2,222,278,000	2,222,278,000	1,467,063,407	66.02
P.43	Kem. Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1,679,206,000	1,719,206,010	1,364,011,367	79.34
P.44	Kem. Kebudayaan, Kesenian dan Warisan	225,976,000	248,733,010	151,723,736	61.00
P.45	Kementerian Belia dan Sukan	552,500,000	552,500,000	476,633,476	86.27
P.46	Kementerian Sumber Manusia	668,178,000	668,178,020	307,572,803	46.03
P.47	Kementerian Penerangan	114,688,000	114,688,000	89,245,979	77.82
P.48	Kem. Pemb. Wanita, Keluarga dan Masyarakat	118,325,000	118,325,010	110,329,965	93.24
P.49	Kementerian Pengajian Tinggi	3,360,000,010	2,375,000,000	2,046,534,375	66.17
P.60	Kementerian Pertahanan	4,680,698,010	4,680,698,000	4,095,266,435	87.49
P.61	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	286,852,000	41,653,505	39,897,635	95.78
P.62	Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	1,612,870,000	1,858,068,495	1,434,058,234	77.18
JUMLAH MAKLUMAT PEMBELANJAAN		16,132,620,000	18,273,929,035	12,247,957,000	

* - Jumlah peruntukan tidak termasuk Simpanan Luar Jangka

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: PERTULIS

DARIPADA: Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA

SOALAN:

Y.B. Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan berapakah bilangan pekerja kategori pakar yang bekerja di Amerika Syarikat, England dan Australia dan apakah usaha Kerajaan untuk menarik mereka pulang dan berkhidmat di negara sendiri.

PR-1231-T35308

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) tidak mempunyai data atau maklumat yang tepat mengenai bilangan ramai rakyat Malaysia profesional yang berada di luar negara. Walau bagaimanapun, satu kajian oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) sebagaimana dilaporkan oleh Lucas (2008) mendapati pada tahun 2000 sejumlah 785,000 orang yang berasal dari Malaysia telah menetap di luar negara iaitu 3.1 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia. Daripada jumlah tersebut 40 peratus menetap di Singapura, 32 peratus di negara-negara OECD (Australia, Amerika Syarikat, United Kingdom, Kanada dan New Zealand), 20 peratus di negara-negara ASEAN (Brunei, Filipina dan Indonesia). Dianggarkan sejumlah 350,000 orang dari jumlah tersebut bekerja di luar negara dan kebanyakannya adalah pekerja mahir termasuk 30,000 hingga 40,000 orang di

Singapura. Jumlah mereka yang menetap khususnya di Australia seramai 79,000 orang, Amerika Syarikat seramai 52,000 ribu dan United Kingdom 50,000 orang.

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung usaha menarik minat mereka untuk balik bekerja di Malaysia, KSM telah melaksanakan Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Yang Berkepakaran Pulang ke Malaysia sejak tahun 2001 untuk menarik golongan profesional Malaysia di luar negara untuk pulang ke tanah air. Pelbagai insentif disediakan bagi menggalakkan mereka kembali bekerja di negara ini. Kajian juga sedang dijalankan bagi meningkatkan keberkesanan program ini. Sehingga 31 Mac 2010, sebanyak 1,500 permohonan telah diterima, 1,500 permohonan telah dipertimbangkan, 866 permohonan telah diluluskan dan seramai 634 pemohon telah kembali.

Antara strategi dan insentif yang dilaksanakan untuk menjayakan Program ini adalah:

- a) Semua barang persendirian yang dibawa balik dikecualikan daripada cukai;
- b) Dua (2) buah kereta yang dibawa balik dikecualikan daripada duti import, duti eksais dan cukai jualan. Bagi permohonan oleh suami isteri, bilangan kereta yang dikecualikan daripada duti import, duti eksais dan cukai jualan adalah dihadkan kepada dua (2) buah kereta sahaja;
- c) Pemohon-pemohon yang menetap di negara yang menggunakan sistem pemanduan sebelah kiri (*left-hand drive*) dibenarkan membeli dan membawa masuk kereta daripada negara ketiga (menggunakan pemanduan sebelah kanan);
- d) Bagi pemohon yang tidak dapat membawa balik kereta import ke Malaysia atas apa-apa sebab, dibenarkan membeli kereta yang dipasang/di kilang di dalam negara dan layak mendapat pengecualian duti eksais dan cukai jualan. Bilangan kereta dihadkan kepada dua (2) buah sahaja termasuk kereta yang telah dibawa balik dari luar negara;
- e) Isteri atau suami dan anak pemohon yang bukan rakyat Malaysia diberi taraf Pemastautin Tetap (PR) dalam tempoh enam (6) bulan selepas balik ke Malaysia;

- ⑥ Anak-anak pemohon yang sedia ada diberi kelonggaran memasuki sekolah antarabangsa apabila kembali ke Malaysia. Kemudahan ini tidak terpakai bagi anak-anak pemohon yang lahir di Malaysia selepas daripada tarikh kembali bermasa tujuh di Malaysia;
- g) Suami atau isteri kepada pemohon yang mempunyai keulusan yang diktiraf dan mempunyai kepakaran yang diterikuti oleh industri dibenarkan memohon *Pas Penggajian di Jabatan Imigresen Malaysia*.

Tuan Yang Di Pertua,

Selain KSM, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi juga melaksanakan Program 'Brain Gain' yang bertujuan untuk menarik cerdik pandai Malaysia dalam bidang-bidang tertentu untuk berkongsi kepakaran mereka. Antara golongan yang diberi keutamaan di bawah program tersebut adalah saintis, jurutera serta pengkaji-pengkaji dalam bidang bioteknologi, pertanian, aeroangkasa dan *advance manufacturing*. Kepulangan mereka membolehkan jalinan kerjasama dengan Insitusi penyelidikan dan institusi pengajaran tinggi bagi menjalakan penyelidikan dan berkongsi kepakaran diadakan.

KSM juga ingin menegaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab pelbagai pihak termasuk sektor swasta untuk mengurus dan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi menarik dan mengekalkan cerdik pandai Malaysia yang berkemahiran supaya terus kekal menyumbang kepada pembangunan negara.

Soalan No: 139

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJI
YUSOF RAWA
(PARIT BUNTAR)**

SOALAN : 139

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan dari sumber maklumat manakah agihan menentukan keperluan projek di luar bandar dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Agihan bagi menentukan keperluan projek-projek yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah adalah berdasarkan kepada keperluan yang telah dikenalpasti melalui pemantauan projek-projek oleh pihak Kementerian dari semasa ke semasa. Senarai projek juga diterima daripada wakil-wakil rakyat yang dikemukakan melalui Pejabat Daerah dan Pejabat Pembangunan Negeri berkenaan. Di samping itu, Kementerian juga memberi pertimbangan kepada permohonan individu yang diterima dan dikenalpasti perlu dilaksanakan. Keutamaan diberikan kepada projek-projek berimpak tinggi dan memberi lebih manfaat kepada masyarakat luar bandar berbanding kos demi melaksanakan tanggung-jawab sosial kepada masyarakat luar bandar, walau bagaimanapun pelaksanaan projek-projek ini adalah juga bergantung kepada peruntukan kewangan yang mencukupi.

NO. SOALAN : 140

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B Tuan Sivarasa a/l K.Rasiah (Subang)

SOALAN :

Minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- a) Apakah status 9 inkues yang telah diselesaikan untuk kematian dalam tahanan polis (di antara 2000-2009), sila sebut nama simati, umur, kaum, tempat dan tarikh kematian, balai yang berkenaan, nama magistret dan mahkamah, tarikh inkues mula dan tamat, keputusan koroner; dan

- b) Apakah status 11 lagi inkues yang masih dalam tindakan untuk kematian dalam tahanan polis (2000-2009), sila sebut nama simati, umur, kaum, tempat dan tarikh kematian, nama majistret dan mahkamah, tarikh inkues mula dan status terkini perjalanan inkues.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, soalan yang dikemukakan berkenaan status 9 inkues kematian di dalam tahanan polis dan 11 lagi inkues yang masih dalam tindakan adalah terlalu umum. Pada masa ini terdapat 253 Mahkamah Majistret di seluruh Malaysia. Pihak Mahkamah memerlukan sekurang-kurangnya nama simati dan tempat kematian untuk menyemak status inkues tersebut dan seterusnya membekalkan maklumat terperinci kepada ahli Yg Berhormat.

Sekian. Terima kasih.

NO. AUM : ~~142~~ 141

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]

TARIKH :

RUJUKAN : 2513

SOALAN:

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan butiran semua 141 kes kematian dalam tahanan polis (di antara 2000-2009) (Jawapan Parlimen No. 137 Rujukan 2211) bertarikh khususnya nama si mata, keturunan, umur, jantina, tarikh dan tempat kematian, balai yang berkenaan, sama ada bedah siasat dibuat, keputusan bedah siasat sekiranya ada, dan akhirnya adakah apa-apa tindakan disiplin diambil terhadap mana-mana pegawai polis berkaitan dengan kejadian sekiranya ada, apa jenis tindakan disiplin itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Subang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian tidak dapat memberikan kesemua butiran kes daripada tahun 2000 hingga 2009 seperti yang dipohon oleh Ahli Yang Berhormat memandangkan masih terdapat kes yang masih lagi dalam siasatan. Walaubagaimanapun, ingin saya maklumkan di sini bahawa sebahagian besar daripada kematian orang tahanan adalah berpunca daripada masalah kesihatan. Kes-kes kematian seperti disebabkan oleh percaduhan sesama banduan dan salah laku pegawai adalah kecil dan masih lagi terkawal.

Tuan Yang Dipertua,

Setakat ini terdapat hanya tiga kes kematian tahanan dalam lokap yang melibatkan kekasaran atau kecuaian oleh pihak polis. Tindakan mahkamah dan tatatertib juga telah diambil ke atas anggota yang terlibat. Butiran bagi kes tersebut adalah seperti berikut :

LOKASI	BUTIRAN SI MATI	SEBAB KEMATIAN	SUSPEK	TINDAKAN
PERAK (Bagan Serai)	Nama : Ong Chin Khoon Umur : 45 Tahun Jantina : Lelaki Bangsa : Cina	Gantung diri, kerosakan otak disebabkan tergantung	Dua orang anggota polis	Lucut hak emolumen selama 1 hari gaji disebabkan kecuaian.
JOHOR (Batu Pahat)	Nama : Kannan A/L Kanthan Umur : 45 Tahun Bangsa : India	Mati dipukul di dalam lokap, patah tulang rusuk dan luka di kepala	Tujuh orang tahanan lain bersama dua orang anggota polis	Seorang anggota diturunkan pangkat, Seorang lagi anggota polis dan 7 tahanan lain yang terlibat dipenjara selama 6 tahun
SELANGOR (Subang Jaya)	Nama : A.Kugen A/L Ananthan Umur : 23 Tahun Jantina : Lelaki Bangsa : India	Paru-paru berair	Seorang anggota polis	Suspek masih ditahan kerja sehingga kes selesai

NO. AUM : 3457 (49)

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]

TARIKH :

RUJUKAN : 2514

SOALAN :

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan orang tahanan yang mati di depot Tahanan Imigresen untuk tahun-tahun 2000-2004 (inclusive) mengikut negara asal, jantina dan umur dalam masa lima tahun lepas dan bilangannya setiap tahun.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Subang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia tidak mempunyai rekod bilangan tahanan yang mati dalam Depot Imigresen untuk tahun-tahun 2000 hingga 2004. Ini memandangkan pada tahun-tahun tersebut Jabatan Imigresen Malaysia belum mengambil alih pengurusan depot-depot berkenaan. Walau bagaimanapun, sejumlah 78 tahanan telah mati dalam Depot Imigresen untuk tahun-tahun 2005 hingga 2009, dengan pecahan bilangan seperti berikut:

- i. Bagi tahun 2005 sebanyak 1 kematian;
- ii. Bagi tahun 2006 sebanyak 5 kematian;
- iii. Bagi tahun 2007 sebanyak 27 kematian;
- iv. Bagi tahun 2008 sebanyak 14 kematian; dan
- v. Bagi tahun 2009 sebanyak 31 kematian.

Dari jumlah ini, didapati bilangan tertinggi terdiri dari:

- i. 32 tahanan warganegara Myanmar yang kesemuanya merupakan lelaki;
- ii. 12 tahanan warganegara Indonesia yang mana 8 adalah lelaki, 2 adalah wanita dan 2 kanak-kanak;

- iii. 4 tahanan warganegara India yang mana 10 adalah lelaki dan 1 wanita;
- iv. 11 tahanan warganegara Bangladesh yang kesemuanya merupakan lelaki;
- v. 4 tahanan warganegara Kamboja yang kesemuanya merupakan lelaki;
- vi. 2 tahanan warganegara Vietnam yang kesemuanya merupakan lelaki; dan
- vii. Masing-masing 1 tahanan lelaki dari Thailand, Nigeria, Togo, Pakistan, Liberia dan Filipina.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : BUKAN LISAN****DARIPADA : Y.B TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH
(SUBANG)****TARIKH : DALAM TEMPOH BERSIDANG****SOALAN : Y.B TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status setakat ini pendaftaran pelajar pra sekolah berbilang bangsa di semua 1,953 Tabika Perpaduan di seluruh Negara yang berkuatkuasa tahun ini. Sila beri jumlah untuk setiap negeri dan pecahan kaum.****JAWAPAN : (YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)**

Institusi Pendidikan Prasekolah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) disebut sebagai Tabika Perpaduan yang mula diperkenalkan pada tahun 1976 di bawah Rancangan Perhubungan Masyarakat dan sebanyak 25 buah kelas telah ditubuhkan sebagai projek perintis. Pada ketika itu, Tabika Perpaduan diwujudkan di kawasan bandar dan pinggir bandar yang melibatkan kumpulan sasaran daripada kanak-kanak berbilang kaum dan berpendapatan rendah. Kini, Tabika Perpaduan ditubuhkan dalam kawasan Rukun Tetangga. Pendekatan ini telah meningkatkan penglibatan komuniti dalam aktiviti kemasyarakatan bersama kelas Tabika Perpaduan.

Tabika Perpaduan mula dilaksanakan bagi kanak-kanak berumur 4 – 6 tahun untuk membolehkan mereka menghayati nilai-nilai perpaduan, hidup bermasyarakat serta persediaan ke alam persekolahan. Sejak tahun 1976, perluasan kelas baru Tabika Perpaduan adalah sebanyak 14 kelas setahun dan pada tahun 2002, JPNIN telah membuat keputusan untuk membuka kelas baru sebanyak 50 kelas setahun atas

permintaan yang tinggi dari penduduk Kawasan Rukun Tetangga. Pengajaran dan Pembelajaran di Tabika Perpaduan adalah menggunakan Kurikulum Standard Pendidikan Kebangsaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Sehingga Mac 2010, jumlah Tabika Perpaduan adalah sebanyak 1,643 buah kelas di seluruh negara dan bekarnya 1,953 kelas seperti yang dinyatakan dalam coston. Ia meliputi seramai 40,363 orang kanak-kanak dengan pecahan kaum seperti berikut, Melayu seramai 28,402 orang (69.85%), Cina seramai 2,877 orang (5.35%), India seramai 4,440 orang (10.92%), Kadazan seramai 609 orang (1.50%), Iban seramai 1,483 orang (3.65%) dan kategori lain-lain seramai 3,352 orang (8.24%). Perincian bilangan kanak-kanak mengikut pecahan kaum bagi setiap negeri adalah seperti di Lampiran A.

JPNIN sentiasa menggalakkan penyertaan dari pelbagai kaum dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum Tabika Perpaduan melalui iklan, promosi di samping melibatkan penyertaan ibu bapa.

LAMPIRAN A

MAKLUMAT BILANGAN KANAK-KANAK TABIKA PERPADUAN TAHUN 2010

BIL	NEGERI	BIL KELAS	KOMPOSISI KETURUNAN KANAK-KANAK						JUMLAH
			M	C	I	KDZ	IBN	LL	
1	PERLIS	37	799	71	15	0	3	74	962
2	KEDAH	102	2343	59	197	0	0	171	2770
3	PULAU PINANG	115	1945	252	518	5	4	13	2737
4	PERAK	152	2367	349	1068	1	9	63	3857
5	SELANGOR	161	2817	230	905	10	14	95	4071
6	WP. KUALA LUMPUR	129	2255	74	307	2	9	88	2735
7	NEGERI SEMBILAN	119	2122	376	599	1	7	22	3127
8	MELAKA	63	1129	91	223	0	2	15	1460
9	JOHOR	177	3686	522	321	4	13	77	4623
10	PAHANG	125	2690	154	228	3	1	24	3100
11	TERENGGANU	66	1371	8	2	0	2	3	1386
12	KELANTAN	96	2472	20	13	2	2	71	2580
13	SARAWAK	151	1463	108	12	15	1382	867	3847
14	SABAH	122	691	55	31	519	30	1444	2770
15	WP. LABUAN	25	182	8	1	47	5	324	567
16	PUTRAJAYA	3	70	0	0	0	0	1	71
	JUMLAH	1643	28402	2377	4440	609	1483	3352	40663
			69.9%	5.9%	10.9%	1.5%	3.6%	8.2%	100.0%

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH
[SUBANG]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan laporan Jawatankuasa bertindak peringkat kebangsaan bagi menyiasat dakwaan penderaan seksual terhadap wanita kaum Penan di Sarawak 2009 dan cadangan untuk mengatasi isu pendidikan (Bahagian 4.8, muka surat 97 & 98) menyatakan apakah status implementasi sembilan cadangan untuk meningkatkan taraf pendidikan kaum Penan yang disebut dalam laporan itu yang merangkumi kemudahan pengangkutan, tadika dan taska, latihan orientasi, kelas transisi kerjaya, jawatan Pembantu Pengurusan Murid.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti sekolah-sekolah Kerajaan yang lain Sekolah Kaum Orang Asli dan Penan menerima peruntukan kewangan bagi geran per kapita yang disalurkan terus dari Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) seperti sekolah-sekolah kerajaan yang lain.

Bagi tahun 2009, KPM telah memperuntukkan sebanyak RM902,000.00 yang disalurkan melalui pelaksanaan program-program pendidikan bagi mengukuhkan taraf pendidikan kaum Asli dan Penan seperti:

- i. Program Outreach Menangani Isu-Isu Pendidikan Murid Kaum Penan pada 1 – 7 November 2009 di kawasan Ulu Baram;

- ii. Melaksanakan Projek Rintis pengenalan kepada Kurikulum Bersepadu Murid Orang Asli dan Penan (KAP) di SK Long Luteng, SK Long Kevok, SK Long Jekitan, SK Long Lamei dan SK Long Sait di kawasan Baram, dan SK Lusong Laku di kawasan Balaga;
- iii. Program Kelas Dewasa Ibu Bapa Murid Orang Asli dan Penan (KEDAP); dan
- iv. KPM juga menyediakan Sekolah Model Khas Komprehensif K9 seperti di Paloh Hinai, Pahang dan Long Bedian, Sarawak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
[TENGGARA]
SOALAN :

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah masalah kekurangan kenderaan ambulans di daerah Kota Tinggi dapat diatasi memandangkan ketika ini daripada 9 unit yang ada hanya 5 unit sahaja dalam keadaan baik dan 4 unit lagi dalam status Beyond Economic Repair.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum tentang masalah kekurangan ambulans yang dihadapi oleh hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan KKM seluruh negara. Beberapa langkah telah diambil untuk mengatasi masalah ini. Pada tahun 2009 sebanyak 200 buah ambulans telah diagihkan kepada semua hospital dan klinik-klinik kesihatan KKM seluruh Malaysia. Daripada jumlah ini sebanyak 32 ambulan telah diagihkan ke Negeri Johor. Hospital Kota Tinggi telah menerima sebanyak 2 buah ambulans daripada agihan yang telah dijalankan pada tahun 2009.

Untuk makluman, agihan ambulans dijalankan berdasarkan beban kerja bagi setiap hospital.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIFADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE

SOALAN :

Datuk Halimah Binti Mohd Sadique minta FERDANA MENTERI menyatakan mengenai program Pembasian Kemiskinan Luar Bandar di kawasan FELDA bagi generasi kedua FELDA. Apakah cadangan Kerajaan bagi mengatasi masalah kemiskinan di kalangan generasi kedua yang tinggal di kawasan penempatan FELDA.

JAWAPAN : Y.B. DATUK AHMAD BIN HJ MASLAN

TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berkenaan dengan cadangan Kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan di kalangan generasi kedua FELDA, Kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan kepada mereka bagi membolehkan mereka menikmati kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan. Antara usaha yang dilakukan Kerajaan adalah memberi pendidikan kepada generasi baru. Pelbagai program diadakan yang antaranya latihan kemahiran dalam pelbagai bidang. Latihan ini bertujuan melatih Generasi Baru dalam pelbagai bidang latihan kemahiran dengan harapan Generasi Baru Peneroka mendapat peluang pekerjaan yang sesuai selepas menamatkan latihan. Pelbagai bidang latihan kemahiran yang berdaya maju disediakan mengikut keperluan semasa. Melalui program ini, ia memberi peluang kepada warga FELDA untuk menyambung pelajaran di peringkat yang lebih tinggi lagi serta mampu menyumbang kepada peningkatan ekonomi keluarga peneroka FELDA.

Dari aspek penempatan pula, Kerajaan menyediakan Perumahan Warga FELDA (PWF) bagi membolehkan generasi baru memiliki rumah. PWF dilaksanakan sebagai usaha memenuhi permintaan anak-anak peneroka yang tinggal di rancangan dan memerlukan rumah kediaman. Perumahan moden yang lebih teratur serta kemudahan infrastruktur yang lebih baik merupakan konsep utama bagi projek perumahan warga FELDA. PWF memberi penekanan terhadap aspek mampu milik di samping dapat memberi keselesaan hidup generasi peneroka.

Sebanyak 14 projek Perumahan Warga FELDA (PWF) untuk generasi FELDA sedang diusahakan di seluruh Negara. Sehingga kini, Kerajaan telah siap melaksanakan empat (4) projek perumahan membabitkan 1,357 unit rumah di Bukit Goh, Lepar Hilir, Mempaga dan Keratong di Pahang. Pada tahun ini, Kerajaan merancang membangunkan sepuluh (10) lagi projek PWF di Pasak dan Sungai Sibol di Johor, Triang 3, Jengka 11, Jengka 19 dan Chini 3 di Pahang, Chiku 5 di Kelantan, Neram 1 di Terengganu, Chuping di Perlis dan Raja Alias di Negeri Sembilan membabitkan 1,766 unit rumah.



PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA
SOALAN**

BUKAN LISAN

**DATUK HALIMAH BINTI MOHD
SADIQUE**

[TENGGARA]

DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE [TENGGARA] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah bandar Kota Tinggi akan mendapat sebuah Klinik Kesihatan Jenis 3 memandangkan penduduk semakin bertambah dan kawasan bandar tiada mempunyai kemudahan klinik kesihatan dan perkhidmatan pesakit luar kini menumpang di Hospital Kota Tinggi yang terlalu sempit dan tidak dapat menampung ramai pesakit.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kementerian telah mengemukakan cadangan projek Klinik Kesihatan Jenis 3 Bandar Kota Tinggi dengan kuarters untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10. Walau bagaimanapun ianya masih tertakluk kepada kelulusan pihak Unit Perancangan Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri.

Untuk makluman, Klinik Kesihatan Jenis 3 mampu menampung kedatangan pesakit seramai 300 hingga 500 orang pesakit sehari. Pada masa kini daerah Kota Tinggi telah pun mempunyai 12 buah Klinik Kesihatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE-6, PARLIMEN KE-12

PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAH/BERTULIS

DARIPADA

**DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
(TENGGARA)**

SOALAN:

Datuk Halimah binti Mohd Sadique (Tenggara) minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan sejauh manakah Sukan Malaysia (SUKMA) mampu menyiapkan Malaysia dengan atlet berwibawa menjulang nama Malaysia di persada sukan serantau dan antarabangsa.

JAWAPAN

1. Setiap kali Sukan Malaysia diadakan, banyak rekod-rekod baru telah dicipta dan ini membuktikan bahawa mutu pertandingan sukan di Sukan Malaysia sentiasa meningkat dari masa ke semasa. Sebagai contoh, Sukan Malaysia IX Sabah 2002 telah mencipta tujuh (7) rekod kebangsaan dan 62 rekod kejohanan, Sukan Malaysia Negeri Sembilan X 2004 mencipta sembilan (9) rekod kebangsaan dan 49 rekod kejohanan dan Sukan Malaysia XI Kedah 2006 pula dua (2) rekod kebangsaan dan 38 rekod kejohanan yang telah dicipta. Manakala, Sukan Malaysia XII, Terengganu 2008 menyaksikan tujuh (7) rekod kebangsaan dan 54 rekod kejohanan dicipta.
2. Majoriti atlet-atlet negara sekarang adalah terdiri daripada bekas-bekas atlet yang pernah bertanding di Sukan Malaysia yang lalu. Atlet-atlet yang lahir daripada Sukan Malaysia antara lainnya adalah Dato' Nicol Ann David dan Mohd Azlan Iskandar dari sukan skuasy, Dato' Lee Chong Wei dan Mohd Hafiz Hashim dari sukan badminton, Mohd Azizulhasni Awang dan Mohd Rizal Tisin dari sukan

berbasikal, Daniel Bego dan Siow Yi Ting dari sukan akuatik-renang. Manakala, Leong Mun Yee dan Bryan Nickson Lomas dari akuatik-terjun serta Shalin Zulkifli dan Zulmazran Zulkifli dari sukan tenpin boling.

No. 149

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
(TENGGARA)

NO.SOALAN : 149

DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE (TENGGARA) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan adakah Kerajaan bercadang menghapuskan subsidi harga gula sepenuhnya dan apakah langkah yang diambil bagi memastikan harganya stabil.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sedang mengkaji cadangan pelbagai pihak supaya menarik balik subsidi gula dalam usaha mengurangkan kadar pengambilan bahan itu di kalangan rakyat Malaysia. Kerajaan pada masa ini berharap untuk melaksanakan pematuhan kawalan harga secara berperingkat-peringkat bagi memberi peluang kepada peniaga bersaing secara sihat.

Bagi menjamin harga dan bekalan gula di pasaran tempatan, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah mengadakan

Kontrak Jangka Panjang (Long Term Contract / LTC) bagi gula mentah. MITI telah memeterai LTC 2009 hingga 2011 pada harga USD 0.175/lb dimana harga tersebut adalah lebih tinggi berbanding LTC 2006-2008 iaitu USD 0.098/lb. LTC 2009-2011 ini dapat membekalkan sebanyak 70% bekalan gula tempatan iaitu 920,000 tan metrik setahun dan 30% keperluan bekalan diperolehi daripada pasaran terbuka (*open market*).

Dengan adanya LTC ini, 70% keperluan gula mentah dibeli pada harga yang telah ditetapkan iaitu USD0.175 bagi setiap poun dari tahun 2009 hingga 2011. Bakinya 30% keperluan gula mentah pada harga semasa.

SOALAN NO. (150)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
(BAGAN SERAI)**

SOALAN :

Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI (BAGAN SERAI) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan mengapakah aktiviti dan lesen pinjaman wang adalah dikendalikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan bukan Kementerian Kewangan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400) pada asalnya ditadbir oleh Jabatan Kehakiman Malaysia dengan Pendaftar Mahkamah Tinggi berperanan sebagai Pendaftar Pemberi Pinjam Wang, manakala Penolong Kanan Pendaftar dan Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi sebagai Penolong Pendaftar Pemberi Pinjam Wang. Akta ini mula dikendalikan oleh Kementerian

Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) secara rasminya pada 1 Ogos 1979 berikutan keputusan Jemaah Menteri yang dibuat pada 25 April 1979.

Ketua Setiausaha KPKT diwartakan sebagai Pendaftar Pemberi Pinjam Wang dan Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri serta Datuk Bandar Kuala Lumpur (DBKL) sebagai Penolong Pendaftar Pemberi Pinjam Wang melalui Warta Kerajaan (P.U.(B)40/79) bertarikh 23 Ogos 1979.

Bermula dari saat itu juga, urusan melesen pemberi pinjam wang telah dilakukan oleh negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, manakala semua hasil diakaunkan sebagai hasil negeri di mana ianya dipungut, berdasarkan Perkara 110 dan Butiran 3 Bahagian III Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan. Berikutan itu, peranan KPKT hanyalah mengawasi dan mengawal perjalanan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951, mewartakan senarai pemberi pinjam wang berlesen seperitimana dikehendaki oleh peruntukan Seksyen 7 Akta, serta memberi pertimbangan untuk kes-kes pengecualian di bawah peruntukan Akta berkenaan sahaja.

perada 1 November 2003, KPNKT bersih mengandalkan dan
sepasangnya unsur pengetahuan Akca pengetahuan Pijam Wang

1951 (AKCA 400) dan meski relevan hingga kini.

Kementerian Perumahan
dan Kerjasan Tempatan

April 2010

SOALAN NO: 151

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]

SOALAN : Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan dari jawapan bertulis yang diberikan kepada soalan YB Bagan Serai bertarikh 28 Okt 2009, bolehkah dinyatakan apakah perkembangan kajian untuk mendapatkan maklumat impak sebenar program Bumi Hijau bagi sektor perikanan, mengikut butiran seperti nama, IC dan kawasan peserta-peserta tersebut.

Tuan yang DiPertua

Sebagaimana YB Bagan Serai sedia makum, Program Bumi Hijau bagi sektor perikanan mendapat sambutan yang amat menggelelken.

Pada tahun 2008, seramai 3,438 orang telah mengikuti program ini pada manakala tahun 2009, seramai 2,620 orang turut serta. Jumlah peruntukan yang diberi kepada Jabatan Perikanan Malaysia untuk program ini pada tahun 2008 adalah sebanyak RM5.5 juta manakala pada tahun 2009 adalah sebanyak RM4.4 juta.

Namun begitu, kajian impak sebenar program Bumi Hijau yang sedang dijalankan oleh Jabatan Perikanan Malaysia tidak melibatkan semua peserta. Walau bagaimanapun, Jabatan Perikanan Malaysia mempunyai rekod untuk setiap peserta seperti nama, kad pengenalan dan kawasan bagi setiap peserta tersebut.

Laporan kajian lengkap Program Bumi Hijau akan disediakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani meliputi semua sektor pertanian yang lain.

NO. AUM : ~~153~~ 152

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y. B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI
SAMSURI
[BAGAN SERAI]**

TARIKH :

RUJUKAN : 2515

SOALAN:

**Y. B. Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kementerian akan
memberi keutamaan kepada permohonan kerakyatan bagi mereka
yang dilahirkan di negara ini sebelum merdeka dan masih memegang
kad pengenalan merah.**

JAWAPAN:

Permohonan kerakyatan bagi mereka yang dilahirkan di negara ini sebelum merdeka dan masih memegang Kad Pengenalan Merah adalah diperuntukkan di bawah Perkara 16 Perlembagaan Persekutuan. Kementerian Dalam Negeri memberi keutamaan memproses semua permohonan di bawah Perkara ini sekiranya ia memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula skim perkhidmatan guru-guru dan menambah skim rangsangan bagi guru-guru yang mengajar di pedalaman; dan
- (b) apakah alternatif lain agar semakin ramai guru yang dapat berhijrah dalam usaha membangunkan generasi muda di kawasan pedalaman.

JAWAPAN

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memberikan insentif dan imbuhan bagi menarik minat dan menggalakkan guru-guru yang berkhidmat di kawasan pedalaman agar mereka kekal lebih lama di sekolah-sekolah tersebut. Imbuhan sedia ada yang khusus untuk guru-guru di pedalaman adalah seperti berikut:

- i. Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan;
- ii. Elaun Balik Kampung; dan
- iii. Bayaran Insentif Pedalaman.

Elaun Khas Mengikut Lokasi Dan Tahap Kesusahan (EKMLTK) diberikan kepada pegawai yang berkhidmat di sekolah-sekolah pedalaman yang dikenal pasti oleh KPM dengan kadar berdasarkan kepada kategori pedalaman iaitu Pedalaman 1

dengan Kadar EKMLTK sebanyak RM1500 sebulan, Pedalaman X dengan Kadar EKMLTK sebanyak RM1,000 sebulan dan Pedalaman Y dengan Kadar EKMLTK sebanyak RM1,500 sebulan.

Elaun Balik Kampung pula dikhurasukan untuk pegawai yang berkhidmat di sekolah-sekolah yang layak dibayar EKMLTK. Tujuannya adalah sebagai galakan kepada pegawai untuk mengunjungi keluarga di kampung asal setahun sekali dengan perbelanjaan begi perjalanan tersebut ditanggung oleh Kerajaan tentukuk kepada peraturan semasa yang berkuatkuasa.

Bayaran Insentif Pedalaman (BIP) pula diberikan kepada pegawai di sekolah-sekolah yang diiktiraf oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan sebagai kawasan pedalaman. Kadar bayaran adalah sebanyak 10% daripada gaji pokok pegawai berkenaan.

- (b) KPM sentiasa mengambil inisiatif dan peka bagi menambah baik skim perkhidmatan perguruan. KPM sedang meneliti secara menyeluruh mengenai perkhidmatan perguruan bagi guru-guru yang berkhidmat di luar bandar dan pedalaman. Ini termasuk beberapa aspek meliputi pemilihan, penempatan, bentuk galakan serta ganjaran yang sesuai. Antara ganjaran yang sedang dipertimbangkan ialah mengambil kira pengalaman bertugas di luar bandar dan pedalaman dalam urusan kenaikan pangkat. Selain itu mereka juga mungkin diberi keutamaan tawaran biasiswa untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONF LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI
SAMSURI
[BAGAN SERAI]

SOALAN :
TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI] minta
MENTERI KESIHATAN menyatakan berapakah bilangan pesakit yang
menggunakan perkhidmatan hospital kerajaan dan hospital swasta di negara kita
secara keseluruhannya pada tahun 2004 hingga 2009.

Tuan Yang Dipertua,

Tahun	2004	2005	2006	2007	2008	2009 (p)
Hospital	1,794,69 4	1,842,68 8	1,895,78 7	1,955,26 1	2,062,92 5	2,130,773
Institusi Perubatan*	10,003	9,713	9,302	9,642	9,708	9,122

Jumlah Kedatangan Pesakit ke Hospital dan Institusi Perubatan Kerajaan Malaysia adalah seperti berikut :-

Nota : (p) – Preliminary

*Institusi Perubatan Khusus = Hospital Permai, Hospital Sentosa, Hospital Bahagia, Hospital Mesra, Institut Perubatan Respiratori, Pusat Kawalan Kusta

Data bagi kedatangan pesakit ke Hospital Swasta hanya dikumpui bermula dari tahun 2008. Data ini dikategorikan kepada dua (2) iaitu Hospital Swasta dan Hospital Pelancungan Kesihatan. Sebanyak 237 hospital di kategorikan sebagai Hospital Swasta manakala 35 hospital di kategorikan sebagai Hospital Pelancungan Kesihatan. Jumlah kedatangan pesakit ke Hospital Swasta pada tahun 2008 adalah sebanyak 692,013 pesakit manakala bagi tahun 2009, data masih dalam peringkat analisa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD

SOALAN:

Y.B. Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk memastikan majikan-majikan mengutamakan pengambilan pekerja warga tempatan berbanding warga asing.

PR-1231-T36841

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi memastikan majikan mengutamakan pengambilan pekerja tempatan, Kerajaan telah melaksanakan strategi pengurangan kebergantungan industri terhadap pekerja asing. Strategi ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keadaan ekonomi dan kesesuaian bagi mengelakkan ianya memberi kesan negatif kepada industri dan ekonomi negara. Di antara cadangan strategi pengurangan kebergantungan industri terhadap pekerja asing seterusnya menarik para majikan untuk mengambil warga tempatan ialah:

- i. Memperkemaskan semua prosedur dan proses pengambilan pekerja asing sedia ada melalui Makmal Pengurusan Pengambilan Pekerja Asing;
- ii. Syarikat Membekal dan Mengurus Pekerja Asing (*out-sourcing*) hanya dibenarkan membekalkan pekerja kepada sektor perkilangan, perladangan dan pertanian sahaja;

- iii. Menggalakkan industri berair kepadai industri berorientasikan modal melalui dana-dana bantuan modal Kerajaan, insentif cukai dan lain-lain;
- iv. Mengkaji dan memperkemaskan insentif-insentif perkhidmatan yang ditawarkan kepada pekerja tempatan seperti struktur gaji, kemudahan elau, dan lain-lain;
- v. Menggalakkan lebih banyak perkhidmatan layan diri di sektor-sektor perkhidmatan diperkenalkan seperti restoran, stesen minyak, pasar mini dan lain-lain;
- vi. Penggunaan sistem Industrial Building System (IBS) sehingga 70% dalam semua kontrak pembinaan Kerajaan dan pihak swasta juga digalakkan mengambil langkah yang sama;
- vii. Mewujudkan peraturan kerja separa masa bagi menggalakkan penyertaan *latent workforce* seperti surirumah, pesara, Orang Kurang Upaya (OKU) dan pelajar untuk memasuki pasaran buruh secara separa masa; dan
- viii. Mencadangkan supaya pemberian insentif Kerajaan diperluaskan dalam bentuk perlepasan cukai bagi pembelian peralatan dan jentera baru dan terpakai. Tempoh antara 5 hingga 10 tahun perlu diberikan bagi memastikan setiap industri dapat merangka program dan strategi yang berkesan ke arah mekanisasi dan seterusnya dapat membantu ke arah peningkatan produktiviti.

Secara dasarnya pihak Kementerian Sumber Manusia (KSM) juga telah menjalankan pelbagai program melalui portal JobsMalaysia, di mana majikan yang memerlukan pekerja hendaklah mendaftarkan syarikat mereka dalam portal JobsMalaysia. Seterusnya pihak Jabatan Tenaga Kerja (JTK) melalui portal JobsMalaysia akan menyenaraikan profil pencari pekerja tempatan yang ingin bekerja. Program ini adalah salah satu langkah

kerajaan dalam menampung keperluan guna tenaga negara yang berkurangan akibat pembekuan pekerja asing di semua sektor.

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2010)

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)

SOALAN :

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat bukan Islam mengenai perlaksanaan ajaran dan syariat Islam.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua

Kerajaan melalui Jabatan Komajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa mengadakan kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha untuk mendekati masyarakat bukan Islam bagi menyampaikan dan memberikan kefahaman berkenaan ajaran Islam melalui program-program yang dirancang seperti Program Ramah

Mesra, Program Masyarakat Berjiran dan Seminar Isu-isu Semasa Tamadun Ummah.

Mesej-mesej berkenaan dengan ajaran Islam juga telah diikuti secara tidak langsung oleh masyarakat bukan Islam melalui program-program televisyen dan radio yang menampilkan rancangan yang berkaitan dengan Islam seperti Forum Perdana Ehwal Islam dan rancangan-rancangan yang lain di media cetak atau elektronik. Disamping itu, peranan tersebut turut dilaksanakan oleh agensi-agensi yang berkaitan seperti Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) serta pelbagai NGO Islam yang lain mengikut fungsi dan peranan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

MR/157

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2010
(15 MAC HINGGA 15 APRIL 2010)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN KHALID BIN
ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]
SOALAN : 157

Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD minta Menteri KKLW menyatakan mengapa peruntukan kepada MARA dipotong begitu banyak sehingga berjumlah RM374,537 juta sahaja bagi tahun 2010 berbanding RM883,785 juta pada 2009, bagi Institut Kemahiran MARA (IKM) peruntukan untuk 2010 hanya RM143 juta berbanding RM403 juta bagi tahun 2009, GIATMARA hanya mendapat RM16 juta bagi tahun 2010 berbanding RM28 juta pada tahun 2009, bagi MRSM dan Kolej Sains MARA pula

peruntukan hanya tinggal RM115 juta untuk tahun 2010 berbanding RM254 juta pada tahun 2009 manakala pengambilan pelajar bagi institusi-institusi berkenaan juga dipotong dengan begitu banyak jumlahnya sedangkan kemajuan pendidikan Bumiputera masih berada di tahap yang lemah.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang Rangkaian Malaysia Kesembilan (RMKe-9), MARA telah diperuntukkan siling Belanja Pembangunan sejumlah RM3,733,794,199 untuk lima (5) tahun dengan peruntukan tahunan seperti berikut:-

i.	tahun 2006	:	RM 1,082,511,443
ii.	tahun 2007	:	RM 551,725,000
iii.	tahun 2008	:	RM 715,127,000
iv.	tahun 2009	:	RM 954,772,000
v.	tahun 2010	:	RM 429,658,756

Jumlah : RM3,733,794,199

Tahun 2010 adalah merupakan tahun terakhir di bawah tempoh RMKe-9. Ini bererti siling bagi tahun 2010 sebanyak RM429,658,756 adalah merupakan baki siling terakhir RMKe-9.

Pada tahun 2009, MARA telah diberi peruntukan sebanyak RM1,872,048,100 bagi program penganjuran pelajaran. Peruntukan ini merupakan peningkatan sebanyak 63 peratus berbanding RM1,147,248,100 pada tahun 2008. Dengan peruntukan ini, pada tahun 2009 MARA dapat membiayai seramai 55,944 pelajar dalam negeri dan 1,493 pelajar di luar negara. Jumlah keseluruhan bilangan pelajar yang ditaja pada tahun 2009 ialah seramai 57,437 berbanding dengan 57,569 pada tahun 2008. Oleh itu, kenyataan bahawa pengambilan pelajar dipotong begitu banyak adalah tidak tepat.

Manakala peruntukan pada tahun 2010 adalah berjumlah RM1,560,602,200 dan dijangka tambahan sebanyak RM600 juta lagi akan disalurkan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM2,160,602,200, meningkat sebanyak 15.4 peratus berbanding tahun sebelumnya. Dengan peruntukan tambahan ini, dijangka pada tahun 2010 MARA akan dapat terus menaja bilangan pelajar yang disasarkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD

TARIKH :

SOALAN :

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] meminta MENTERI KESIHATAN menyatakan mengapa *Human Papillomavirus (HPV) Vaccine* luar biasa mahal harganya untuk hospital-hospital kerajaan, siapa pembekalnya di Malaysia dan bagaimanakah tender pembekalan diperolehi.

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini terdapat dua jenis vaksin *Human Papillomavirus (HPV)* di pasaran yang digunakan untuk mencegah kanser serviks; iaitu Cervarix yang dibekalkan oleh Syarikat GlaxoSmithKline (GSK) dan Gardasil yang dibekalkan oleh Syarikat Merck Sharp & Dohme (MSD). Kedua-dua vaksin ini boleh diperolehi di kemudahan kesihatan swasta dengan anggaran RM900 ke RM1,200 untuk tiga dos lengkap.

Bekalan vaksin HPV untuk Kementerian Kesihatan diperolehi melalui proses tender terbuka dan ianya baru sahaja ditutup pada 24 Mac 2010. Harga

sebenar vaksin tersebut serta pembekalnya masih belum ditentukan lagi. Dijangkakan harga yang ditawarkan kepada Kerajaan adalah lebih murah berbanding dengan harga yang dikenakan kepada kemudahan kesihatan swasta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]

SOALAN :

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah doktor pakar yang berhenti dari perkhidmatan Kerajaan untuk berkhidmat di sektor swasta dan apakah langkah-langkah untuk menanganinya.

Tuan Yang Di-Pertua,

Sejak daripada tahun 2008 sehingga kini, jumlah Pegawai Perubatan Pakar yang berhenti daripada perkhidmatan awam adalah seramai 150 orang di atas beberapa sebab seperti bekerja dengan agensi swasta, menjadi pensyarah di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan sebab peribadi.

Antara langkah utama yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan Pegawai Perubatan Pakar di KKM adalah melalui pelantikan Pegawai Perubatan Pakar warganegara dan bukan warganegara secara kontrak. Sehingga 23 Mac 2010, terdapat seramai 323 orang Pegawai Perubatan Pakar yang berkhidmat secara kontrak di KKM di mana 158 daripadanya merupakan Pegawai Perubatan Pakar kontrak warganegara asing.

Kerajaan turut mengambil inisiatif dengan menambah bilangan tempat bagi Pegawai Perubatan melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana / Kepakaran daripada 450 tempat kepada 600 tempat setahun bermula tahun 2008. Pada masa ini, terdapat seramai 1,849 orang Pegawai Perubatan Pakar sedang mengikuti latihan pengajian Sarjana Perubatan dalam pelbagai bidang kepakaran dan dijangka akan menamatkan pengajian secara berperingkat dalam tempoh empat tahun akan datang (2010 - 2013). Langkah ini dijangka dapat memberi jaminan bekalan Pegawai Perubatan Pakar yang berterusan di KKM.

Selain itu, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mengekalkan Pegawai Perubatan Pakar untuk terus berkhidmat di KKM seperti:

1. Kenaikan elauan pakar seperti yang diumumkan dalam bajet 2009 oleh YAB Perdana Menteri;
2. Elauan kritikal yang telah dinaikkan dari RM500.00 menjadi RM 750.00 sejak Januari 2008;

3. Mengadakan ‘Saturday Lists’ iaitu mengadakan pembedahan bagi kes-kes elektif di mana pakar-pakar dibayar mengikut jam (bayaran untuk pakar adalah RM 200/jam dan bayaran untuk pegawai perubatan adalah RM80/jam);
4. Mengadakan perkhidmatan ‘will paying patient’ di mana pakar dibayar dengan kadar tertentu;
5. Bayaran klinik selepas waktu pejabat dengan kadar RM80.00 sejam termasuk di Jabatan Kecemasan;
6. Memberikan kelonggaran untuk menjadi pensyarah kehormat /pensyarah sambilan untuk IPTA/IPTS dengan kadar bayaran mengikut gred jawatan masing-masing;
7. Mbenarkan pegawai menjalankan tugas lokum di sektor swasta tertakluk kepada syarat dan peraturan sedia ada; dan
8. Peluang kenaikan pangkat yang lebih baik melalui pelaksanaan penambahbaikan laluan kerjaya bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi.

Font : Verdana (16)

NO: 160

Soalan No:

76

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B. Tuan Haji Che Uda bin Che Nik (Sik)

TARIKH : -

SOALAN : 160

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan kedudukan pegawai dan kakitangan Pejabat RISDA Daerah Sik yang terlibat dengan pembangunan ladang dan pekebun kecil dalam daerah Sik serta peratusan agihan pendapatan di antara pekebun (pemilik tanah) dengan pihak RISDA di bawah Projek TSB, TSK dan Mini Estet.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Bilangan pegawai dan kakitangan yang ditempatkan di pejabat RISDA di daerah Sik adalah seramai 57 orang bagi melaksana dan mengurus aktiviti dan program pembangunan RISDA untuk pekebun kecil.

Bagi projek Tanam Semula Berkelompok (TSB), pendapatan daripada hasil diperolehi sepenuhnya oleh jawatankuasa dan diagihkan kepada peserta projek terlibat. Bagi projek Tanam Semula Komersil (TSK) dan Mini Estet yang diurus oleh anak syarikat RISDA iaitu RISDA Plantation Sdn. Bhd. (RPSB), peserta projek dibayar dividen daripada keuntungan projek-projek berkenaan. RPSB hanya dibayar yuran pengurusan sebanyak RM250.00 sehektar setahun.

Kadar agihan pendapatan pekebun bagi projek-projek TSB, TSK dan Mini Estet tidak dapat dinyatakan peratusannya secara khusus disebabkan jumlah pendapatan yang berbeza setiap tahun.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2010
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN HJ. CHE UDA BIN CHE NIK (SIK)**

TARIKH :

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan adakah kementerian sedar telah berlaku banyak penyelewengan dalam projek ladang-ladang RISDA, Mini Estet, TSB, TSK yang menyebabkan pemilik tanah tidak mendapat hasil yang sepatutnya. Adakah sistem pengagihan pendapatan agensi ini berjalan secara telus atau tidak.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek-projek Tanam Semula Berkelompok (TSB), Tanam Semula Komersial (TSK) dan Mini Estet (ME) yang dilaksanakan oleh RISDA mempunyai garis panduan khusus mengikut pendekatan projek yang dilaksanakan. Pegawai pelaksana di semua peringkat di negeri dan daerah perlu mematuhi dan mengikuti garis panduan yang ditetapkan bagi mencapai matlamat pelaksanaan projek berkenaan. Disamping itu, RISDA juga membuat pemantauan melalui laporan kemajuan projek dan mesyuarat-mesyuarat operasi di peringkat Ibu Pejabat, negeri dan daerah.

RISDA juga mempunyai bahagian Audit dan Inspektorat yang membuat semakan ke atas pelaksanaan projek agar selaras dengan garis panduan yang ditetapkan. Setiap projek juga mempunyai Jawatankuasa Projek masing-masing yang dilantik oleh peserta sendiri yang terlibat sama dalam hal ehwal pentadbiran projek.

Kementerian melalui RISDA adalah amat prihatin ke atas perkhidmatan yang diberikan kepada pekebun kecil dan pelaksanaan adalah secara telus berdasarkan kepada garis panduan, sistem pemantauan projek, aktiviti audit yang dijalankan dan penglibatan peserta melalui Jawatankuasa Projek. Dengan ini, RISDA akan dapat mengesan isu-isu pelaksanaan projek dan tindakan susulan dapat diambil dengan segera. Seterusnya, secara tidak langsung ia dapat menghindarkan sebarang bentuk penyelewengan dalam pelaksanaan projek.

Sehubungan itu, dakwaan berlakunya banyak penyelewengan dalam projek ladang-ladang RISDA, Mini Estet, TSB, TSK yang menyebabkan pemilik tanah tidak mendapat hasil yang sepatutnya adalah tidak benar sama sekali.

Soalan No: 162

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. Tuan Haji Che Uda bin
Che Nik (Sik)**

TARIKH :

SOALAN : 162

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan tentang status atau kedudukan FELCRA di Daerah Sik dan bila FELCRA bercadang mengambil peserta ke dalam Projek Pembangunan Kawasan FELCRA yang masih tidak diisi, adakah pengusaha terdahulu atau keluarga

mereka akan diberi keutamaan di dalam pemilihan ataupun mengikut fahaman politik sebelumnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak dari tahun 1979 sehingga kini, FELCRA Berhad telah memajukan seluas 1,043 hektar tanah dengan tanaman sawit di Daerah Sik, Kedah yang memberikan manfaat kepada 826 peserta.

Kini terdapat 4 buah projek yang masih belum dibuat pemilihan peserta iaitu Projek Sungai Senam 1 & 2, Projek Bendang Man, Projek Pulau Belantik 3 dan Projek Batu Besar & Batu Besar Tambahan.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat berhubung dengan pengisian peserta, FELCRA Berhad hanya boleh mencadangkan kepada Kerajaan

Negeri untuk mengemukakan senarai peserta. Sehingga kini, FELCRA Berhad masih belum menerima apa-apa maklum balas daripada Kerajaan Negeri Kedah.

Adalah dimaklumkan juga bahawa, urusan pemilihan peserta adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang memerintah kini. FELCRA Berhad sejak dahulu lagi hanya bertindak sebagai Urus setia Pemilihan Peserta dan tidak diberikan kuasa untuk memilih atau melantik peserta di mana-mana projek yang dibangunkan di atas tanah Kerajaan Negeri.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI CHEUDA BIN CHE NIK
[SIK]

SOALAN :

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [SIK] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan kaedah digunakan oleh Kementerian dalam membantu para petani atau pekebun bagi menghadapi ancaman musuh tanaman seperti babi dan kera memandangkan jumlah binatang tersebut semakin banyak serta tidak terkawal.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan sentiasa peka dan prihatin terhadap masalah gangguan hidupan liar terutamanya yang melibatkan para petani dan pekebun. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) mempunyai beberapa kaedah yang digunakan bagi menangani masalah musuh tanaman seperti babi dan kera. Kaedah-kaedah yang digunakan adalah seperti berikut:

i. Tangkap pindah

- Kaedah tangkap pindah merupakan salah satu kaedah dalam pengurusan hidupan liar terutamanya bagi menangani masalah gangguan hidupan liar di kawasan penempatan manusia atau di kawasan pertanian. Melalui kaedah ini kera-kera yang terlibat akan ditangkap dengan menggunakan perangkap yang direkabentuk khas . Kera-kera tersebut kemudiannya dipindahkan ke habitat yang lebih luas dan sesuai.

ii. *Culling*

- Kaedah *culling* dijalankan terutamanya ke atas hidupan liar yang telah menimbulkan ancaman yang serius atau bilangan populasinya yang telah melimpah melebihi keboleh tampungan habitat sedia ada. Melalui kaedah ini kera-kera akan ditangkap dan kemudiannya disuntik dengan bius untuk dimatikan.
- Operasi bersepadu juga dijalankan bersama dengan pihak seperti RELA dan pemburu berlesen bagi memburu dan menembak mati kera dan babi hutan yang merosakkan tanaman pertanian.
- Penduduk kampung yang mempunyai lesen senjata api adalah dibenarkan menembak mati kera atau babi hutan

yang berada di kawasan pertanian mereka datang ke dalam kawasan kebun mereka sendiri. Walaubagaimana pun penduduk perlu mendapatkan kebenaran dari Jabatan PERHILITAN terlebih dahulu.

III. Tembakan helau

- Kaedah ini kebiasaannya dijalankan di kawasan konflik pertanian yang terletak berhampiran dengan kawasan yang berhutan luas dimana kera serta babi hutan ini masih mampu mencari makanan dan perlindungan di kawasan hutan tersebut.
- Ini adalah bagi memberi peluang kepada hidupan liar berkenaan melarikan diri jauh ke dalam hutan dan tidak datang mengganggu lagi apabila mendengar bunyi yang berhasil daripada tembakan senjata api.

Jabatan PERHILITAN juga mengadakan kerjasama dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan RELA bagi mengatasi masalah gangguan kera di kawasan pertanian. Contohnya sepanjang tahun 2005 hingga 2009 sebanyak 81,044 ekor kera telah diambil tindakan culling dan 38,874 ekor lagi ditangkap-pindah di seluruh Semenanjung Malaysia. Selain itu, Jabatan PERHILITAN mempunyai pelan tindakan untuk melupuskan semua kera-kera yang bermasalah terutamanya di kawasan penempatan manusia sama ada di bandar atau di kampung.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK
[SIK]

SOALAN :

TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan bila Kementerian akan bertindak untuk membina jambatan baru di Batu 5 yang merentasi Sungai Sik kerana kedudukan jambatan tersebut amat penting sebagai penghubung Lebuhraya Gurun-Sik dengan Lebuhraya Timur Barat.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jambatan di Batu 5 (Sungai Sik) terletak di jalan negeri K15 yang merupakan ‘Secondary Road’. Laluan utama untuk ke Lebuhraya Gurun-Sik pada masa ini adalah laluan yang melalui Jalan Beris Jaya.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini sentiasa mengkaji dari masa ke semasa ke atas, keperluan untuk menggantikan atau menaik taraf sesebuah jambatan berdasarkan kepada faktor trafik, guna tanah, sosio ekonomi dan keselamatan kepada pengguna jalan raya.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L
R.SANTIAGO (KLANG)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 16.03.2010 – 15.04.2010

Tuan Charles Anthony a/l R.Santiago (Klang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan institusi Kerajaan termasuk Kementerian-Kementerian dan GLC yang telah menerima wang untuk melancarkan projek-projek ekonomi untuk memulihkan ekonomi Negara daripada Paket Rangsangan Ekonomi 1 dan 2 senaraikan jumlah wang yang diterima oleh setiap institusi dan impak ekonomi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Permaisuri,

Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama dan Kedua yang telah dilancarkan oleh Kerajaan pada 2008 dan 2009 adalah bertujuan untuk mengurangkan kesan kelembapan ekonomi global dan merangsang ekonomi negara kembali cergas. Untuk tujuan ini, sebanyak RM7 bilion telah diperuntukkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama (PRE1) dan RM60 bilion dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE2) yang meliputi suntikan

fiskal berjumlah RM15 bilion, dana jaminan berjumlah RM25 bilion, RM10 bilion untuk pelaburan ekuiti, RM7 bilion untuk inisiatif pembiayaan swasta dan RM3 bilion dalam bentuk insentif cukai.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada jumlah RM7 billion yang diperuntukkan untuk PRE1, sebanyak RM6.6 bilion telah dibelanjakan bagi menyiapkan sebanyak 66,207 projek di seluruh negara. Ini melibatkan projek-projek kecil seperti menaik taraf dan membaikpulih jalan luar bandar, jambatan, sekolah dan hospital telah dilaksanakan. Sebagai contoh, program penyelenggaraan infrastruktur awam (PIA) dan projek infrastruktur asas (PIAS) yang dijalankan oleh Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, bernilai RM596 juta telah berjaya disiapkan. Manakala, projek rumah mesra rakyat yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad dengan perbelanjaan sebanyak RM630 juta meliputi 2,735 projek telah disiapkan. Peruntukan untuk menjalankan projek-projek ini telah disalurkan kepada Kementerian dan agensi yang berkaitan bagi mempercepatkan perlaksanaannya. Senarai peruntukan mengikut Kementerian adalah seperti di Lampiran 1.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi PRE2 pula, sejumlah 48,947 projek bernilai RM7.38 bilion telah disiapkan. Ini turut melibatkan program penyelenggaraan infrastruktur awam (PIA) dan projek infrastruktur asas (PIAS) yang memberi tumpuan kepada Sabah dan Sarawak. Selain itu, PRE2 juga memberikan tumpuan kepada usaha mengurangkan beban rakyat dengan

meningkatkan subsidi untuk mengelakkan kenaikan harga bahan makanan harian. Bagi membantu golongan graduan menganggur dan pekerja yang diberhentikan, Kerajaan juga telah menyediakan peluang latihan kemahiran dan teknikal supaya mereka berupaya memperoleh pekerjaan setelah ekonomi kembali pulih. Seperti juga perlaksanaan PRE1, peruntukan bagi menjalankan projek dan program di bawah PRE2, juga disalurkan secara terus kepada Kementerian dan agensi yang terlibat. Senarai peruntukan mengikut Kementerian dan agensi adalah seperti di Lampiran 2.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Langkah-langkah yang diambil dalam PRE1 dan PRE2 telah berjaya mengurangkan kesan buruk kemelesetan ekonomi global terhadap ekonomi negara. Perlaksanaan langkah-langkah ini telah memberi kesan yang baik apabila ekonomi negara mencatat pemulihan dengan pertumbuhan positif sebanyak 4.5% pada suku keempat 2009. Ini telah membolehkan ekonomi negara mencatatkan prestasi yang lebih baik iaitu penguncupan 1.7% pada 2009, berbanding unjur an awal iaitu -3%.
5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif PRE1 dan PRE2 yang turut disokong oleh dasar monetari yang akomodatif telah berjaya memulihkan sentimen perniagaan, pelabur dan pengguna apabila permintaan dalam negeri telah berkembang sebanyak 3% pada suku keempat 2009. Dengan pemulihan ekonomi yang dicatatkan pada suku keempat 2009 serta persekitaran ekonomi luaran yang semakin baik, prospek ekonomi negara adalah lebih cerah. Ini dapat dilihat apabila penunjuk

hadapan (*leading indicators*) seperti pasaran ekuiti mencatatkan prestasi yang memberangsangkan. Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) telah melonjak sehingga 1,315.14 mata pada 26 Mac 2010 berbanding 855.25 mata pada 10 Mac 2009.

6. Strategi dan langkah yang dirangka dalam kedua-dua pakej rangsangan yang komprehensif dan menyeluruh ini telah dapat mengurangkan impak kemelesetan ekonomi dunia terhadap ekonomi domestik. Perlaksanaan pakej rangsangan ini akan terus dipantau dengan rapi bagi memastikan perlaksanaan program dan projek dijalankan mengikut jadual dan berkesan serta memperoleh *value-for-money*. Selain daripada PRE1 dan PRE2, perlaksanaan inisiatif baru bagi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Program Transformasi Kerajaan akan membantu dalam usaha memulihkan dan meningkatkan lagi ekonomi negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : Tuan Charles Anthony a/l R.Santiago
 [Klang]

SOALAN : Tuan Charles Anthony a/l R.Santiago [Klang] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah warganegara Malaysia berketurunan India dan China yang diambil bekerja di sektor Kerajaan dalam dua tahun lalu. Adakah pekerjaan ini secara kontrak atau tetap termasuk jabatan berkenaan.

JAWAPAN: (YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) merupakan salah satu daripada Pihak Berkuasa Melantik untuk memasuki perkhidmatan awam. Selain daripada SPA, terdapat pihak berkuasa melantik yang lain seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Suruhanjaya Pasukan Polis, Majlis Angkatan Tentera, Badan Berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri yang menguruskan pelantikan pegawainya di agensi masing-masing.

Jumlah pelantikan anggota Perkhidmatan Awam bagi tahun 2008 dan 2009 yang dilantik di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (tidak termasuk yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Melantik yang lain) adalah seperti berikut:

Tahun	Kaum	Permohonan	Panggil Temu Duga	Hadir Temu Duga	Tawaran Lantikan Keseluruhan
2009	Cina	25,789	8,549	5,198	2,660
	India	40,504	7,671	4,947	2,398
2008	Cina	17,443	7,261	4,648	2,286
	India	24,815	8,952	6,106	2,367

Nota: Statistik tersebut adalah bagi lantikan tetap. Bagi lantikan kontрак kebiasaannya Jabatan/Kementerian menjalankan urusan pengambilan sendiri.

Berdasarkan kepada statistik tersebut, didapati berlaku peningkatan terhadap permohonan di kalangan kaum Cina dan India dari tahun 2008 dan 2009. Ini menunjukkan usaha-usaha bagi menggalakkan penyertaan semua kaum ke dalam Perkhidmatan Awam secara berterusan yang dilaksanakan oleh SPA mulai menunjukkan hasil yang positif.

SOALAN NO: 167

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY
 A/L R.SANTIAGO [KLANG]
SOALAN :

TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan rancangan Kementerian untuk mempercepatkan Projek Naiktaraf Jalan FT5 Kapar-Klang (Fasa 3) Kapar yang dibina oleh Spaz Sdn Bhd untuk mengurangkan masalah kesesakan trafik di bandar Klang.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peratus kemajuan kerja fizikal bagi Projek Menaiktaraf Jalan FT5 dari Kapar ke Klang Fasa 3 ini adalah 68.0% berbanding jadual 61.5%. Projek ini sedang mendahului jadual sebanyak 6.5% dan dijadualkan siap pada 10 September 2010.

Untuk memastikan projek ini dapat disiapkan dengan segera, kerja-kerja pembinaan utama turut dijalankan pada waktu malam. Kaedah ini sekaligus akan dapat meminimakan gangguan kepada aliran trafik sedia ada terutamanya pada waktu puncak. Kontraktor juga telah diarahkan untuk memastikan permukaan jalan sentiasa berkeadaan baik bagi melancarkan pergerakan trafik. Kementerian ini juga telah meminta kontraktor untuk menambah bilangan pekerja dan peralatan jentera di tapak bina bagi memastikan projek ini dapat disiapkan mengikut jadual.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L
R.SANTIAGO [KLANG]**

SOALAN : 168

Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan strategi Kementerian untuk mencapai 40% carbon emission reduction sebelum 2020. Dan adakah strategi ini akan dirunding bersama dengan semua pihak berkepentingan.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri semasa menghadiri Persidangan Perubahan Iklim di Copenhagen telah mengumumkan pengurangan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG – greenhouse gas) berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (GHG emission intensity of GDP) sehingga 40% berbanding tahun 2005 menjelang tahun 2020. Ini adalah sebagai sumbangan negara di peringkat global dalam menangani isu perubahan iklim. Indikator pengurangan ini merupakan inisiatif sukarela negara dan

butang mandatori serta tertakluk kepada pemindahan teknologi dan sumbangan kewangan yang mencukupi dari negara maju serta peningkatan kapasiti.

Sebagai strategi permulaan Kerajaan untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG berdasarkan KDNK sehingga 40%, Kerajaan telah menyediakan *Road Map* yang meliputi tiga program utama iaitu, Kecekapan Penggunaan Tenaga (*Energy Efficiency - EE*), Tenaga Boleh Diperbaharui (*Renewable Energy - RE*) dan Pengurusan Sisa Pepejal.

Bagi program EE, usaha-usaha kecekapan tenaga seperti penggunaan peralatan cekap tenaga, aspek reka bentuk bangunan dan penggunaan amalan pengeluaran bersih (*cleaner production*) yang dapat mengurangkan penggunaan tenaga di sektor industri dan komersial akan dilaksanakan. Umpamanya seperti mana yang telah diumumkan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, kerajaan akan menghentikan pembuatan, pengimportan dan penjualan lampu *incandescent light bulbs* pada tahun 2014. Usaha-usaha ini dijangka dapat mengurangkan 9 juta tan CO₂.

Adalah dijangkakan menjelang tahun 2020, lebih banyak tenaga akan dijana daripada sumber-sumber yang boleh diperbaharui (RE) seperti biojisim, biogas, mini hidro, tenaga suria dan bahan buangan. Ini dijangka dapat mengurangkan 11 juta tan CO₂.

Bagi pengurusan sisa pepejal, polisi dan pelan pengurusan sedia ada telah menggariskan beberapa aktiviti yang boleh menyumbang kepada pengurangan pelepasan GHG seperti kitar semula dan

penggunaan teknologi alternatif seperti kemudahan material recovery facilities dan Loji Rawatan Termal (*thermal treatment plant*). Pengurusan sisa pepejal secara holistik melalui penggunaan tapak pelupusan sanitari dapat membantu memperoleh kembali (*recovery*) metana yang terbebas untuk menjana tenaga. Ini dijangka dapat mengurangkan 25 juta tan CO₂.

Pelaksanaan program-program tersebut adalah tertakluk kepada penyediaan peruntukan yang mencukupi di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan peruntukan-peruntukan yang seterusnya.

Bagi menangani perubahan iklim dalam jangka masa panjang Kerajaan akan menyediakan satu *Road Map* yang komprehensif dan terperinci. Ini akan melibatkan sektor seperti pengangkutan, proses industri, pertanian dan perhutanan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian sentiasa menghargai sumbangan semua pihak termasuk badan-badan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha menangani isu perubahan iklim. Kami sentiasa membuka ruang untuk percambahan fikiran dan mendapatkan input daripada mereka. Untuk itu, Kementerian telah menubuhkan kumpulan teras yang terdiri daripada pakar dari agensi kerajaan dan wakil NGO. Kumpulan ini terlibat di dalam persediaan untuk menyediakan pendirian negara bagi isu-isu perubahan iklim.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO
[KLANG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO [KLANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji semula keputusan menghadkan subjek maksimum SPM kepada 12 bagi menggalakkan murid-murid keturunan Tamil dan Cina mempelajari bahasa ibunda mereka seperti yang dijamin dalam Perlembagaan Malaysia.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan dasar mengehadkan sepuluh (10) mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah kekal tetapi kelonggaran diberi kepada calon untuk mengambil tidak lebih daripada dua mata pelajaran tambahan mulai tahun 2010. Demi kepentingan semua pihak terutama murid-murid dan para ibu bapa berhubung had bilangan mata pelajaran SPM, Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 23 Disember 2009 telah pun bersetuju supaya calon yang akan menduduki peperiksaan SPM mulai Tahun 2010 dibenarkan untuk mengambil dua lagi mata pelajaran sebagai tambahan

Dua mata pelajaran tambahan tersebut mestilah dipilih daripada mana-mana mata pelajaran yang telah disenaraikan dalam mata pelajaran SPM selain daripada mata pelajaran teras. Jumlah keseluruhan mata pelajaran yang boleh diambil oleh calon adalah dua belas (12). Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berpandangan jumlah tersebut adalah memadai agar tumpuan murid lebih berfokus dalam pembelajaran mereka di sekolah. Oleh itu, murid-murid boleh mengambil mata

pelajaran yang berkaitan dengan bahasa ibunda masing-masing seperti bahasa Cina, bahasa Tamil, Kesusateraan Cina dan Kesusasteraan Tamil.

Makluman kepada semua calon telah dilakukan melalui Surat Pekeliling Ikhtisas KPM berhubung kelonggaran diberi kepada calon untuk mengambil dua mata pelajaran tambahan mulai tahun 2010. Pihak-pihak berkepentingan yang melibatkan ibu bapa, guru dan murid juga telah memberi maklum balas dan menyambut yang baik berhubung pelaksanaan dasar ini.

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KE-12

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LIGAM

SOALAN : Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci jumlah bilangan kakitangan di Jabatan Perdana Menteri mengikut portfolio masing-masing serta belanjawan mengurus tahunan Jabatan tersebut dari 2003 hingga 2010.

JAWAPAN : Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) berdasarkan waran perjawatan yang diluluskan dari tahun 2003 hingga 2010 adalah seperti berikut :

JUMLAH KAKITANGAN DI JPM BERDASARKAN WARAN
PERJAWATAN DARI TAHUN 2003 HINGGA 2010

Tahun	Pengurusan Tertinggi	Pengurusan dan Profesional	Sokongan	Jumlah
2003	136	4,781	16,128	21,045
2004	157	5,121	16,711	21,989

2005	168	5,776	18,006	23,950
2006	174	6,603	22,371	29,148
2007	178	5,937	23,649	29,764
2008	225	6,910	26,183	33,318
2009	279	6,730	32,164	39,173
2010	384	9,736	33,424	43,544

2. Peningkatan jumlah perjawatan bagi tahun 2010 adalah disebabkan oleh pewujudan agensi-agensi baru dan pertambahan perjawatan di beberapa Jabatan/Agensi. Agensi-agensi yang baru diwujudkan adalah seperti berikut:

- (a) Urusetia Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman;
- (b) Unit Kerjasama Awam Swasta;
- (c) Pejabat Urusetia Bekas Perdana Menteri Tun Abdullah;
- (d) Sekretariat Majlis Penasihat Ekonomi Negara;
- (e) Pejabat Pengerusi Majlis Penasihat Ekonomi Negara; dan
- (f) Unit Pelaksanaan dan Prestasi (PEMANDU).

Jabatan/Agensi yang mempunyai pertambahan perjawatan adalah seperti berikut :

- (a) Majlis Keselamatan Negara (MKN);
- (b) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);

- (c) Unit Perniagaan Tradiran & Perancangan Pengurusan Malaysia (MAPU);
- (d) Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan;
- (e) Agensi Pengawalsuaan Maritim Malaysia (APMM); dan
- (f) Bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak (PERMATA).

3. Penuntukan belanja mengurus bagi Jabatan Pardiana Menteri (B06) dari tahun 2003 hingga tahun 2010 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN MENGURUS
	(RM)
2003	1,554,396,700.00
2004	1,712,922,600.00
2005	1,927,018,070.00
2006	2,258,556,400.00
2007	2,705,007,500.00
2008	3,423,676,000.00
2009	3,792,210,279.00 (Peruntukan asal JPM pada tahun 2009 adalah sebanyak RM RM3,661,392,300. Kemasukan Jab. Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan menyebabkan berlaku pertambahan peruntukan sebanyak RM130,817,979)
2010	3,955,945,800.00

SOALAN NO : 17 /

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **BERTULIS**

DARIPADA : **TUAN NGA KOR MING [TAIPING]**

SOALAN :

TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan secara terperinci jumlah perbelanjaan sebenar yang terlibat untuk membina Istana Negara yang baru dan kemudahan yang bakal dibina.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah RM368,690,598.16 telah dibelanjakan bagi keseluruhan pelaksanaan projek membina Istana Negara yang baru dari 12 Disember 2006 sehingga 5 Mac 2010. Keseluruhan kos bagi projek di atas adalah sebanyak RM649,995,507.51.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara kemudahan yang bakal dibina di dalam projek ini adalah seperti Balai Rong Seri, Dewan Banquet, Bilik Mesyuarat Raja-Raja, Pejabat Pentadbiran Istana, Dataran Pelawat dan kemudahan-kemudahan sokongan yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dua (2) laluan ke pintu masuk Istana Negara baru juga akan dibina. Bagi laluan pintu masuk utama, projek persimpangan bertingkat yang menghubungkan Jalan Duta ke Kompleks Istana Negara yang baru sedang dalam pembinaan. Manakala bagi laluan pintu kedua, kerja-kerja menaiktaraf Jalan Changkat Semantan akan dimulakan selewat-lewatnya pada bulan Jun 2010.

No: 172

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah kos terlibat untuk membeli kapal selam KD Tunku Abdul Rahman dan KD Tun Razak dan tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah kapal selam tidak dapat menyelam seperti dilaporkan pada 12/2/2010.

JAWAPAN:

Kerajaan membayar EURO 1,084.11 juta untuk pembelian dua (2) buah kapal selam baru. Kos ini mewillputi harga pembinaan kapal selam, latihan warga kapal selam, bantuan logistik bersepadu dan alat ganti serta penyediaan kenudahan pelatih kapal selam dan tim projek.

Masalah teknikal yang dihadapi oleh kapal selam KD TUNKU ABDUL RAHMAN adalah masalah biasa yang boleh dialami oleh mana-mana kapal selam lain di dunia. Secara khususnya kapal berkenaan tidak dibenarkan menyelam kerana mengalami sedikit masalah yang mungkin boleh menjelaskan keselamatan selaman. Ini adalah langkah keselamatan biasa pengendali kapal selam yang mengamalkan prosedur keselamatan yang sangat ketat.

Masalah teknikal kapal selam SCORPENE yang dihadapi telah pun diatasi oleh pembekal dan ujian selaman telah berjaya diliaksanakan pada 22 Februari 2010 yang lalu. Tidak timbul isu kerugian kepada Kerajaan kerana masalah yang dihadapi adalah di bawah jaminan dan kos pombaikan ditanggung sepenuhnya oleh pembekal.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING (TAIPING)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 16.03.2010 – 15.04.2010

Tuan Nga Kor Ming (Taiping) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah hasil cukai pendapatan yang diterima oleh pihak Kerajaan mengikut kategori kaum dan agama dalam tempoh 2000 hingga 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, borang cukai pendapatan individu pada masa ini tidak mempunyai butiran kaum dan agama seseorang pembayar cukai. Sehubungan dengan itu, Kerajaan tidak mempunyai maklumat mengenai pembayar cukai mengikut kategori kaum dan agama.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: PERTULIS

DARIPADA: YB. DATO' RASHID BIN DIN

SOALAN:

Y.B. Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan kenapa dan apakah penghalang-penghalang untuk membolehkan Kerajaan menguatuasa kaedah gaji minima untuk semua sektor pekerjaan.

PR-1231-T36878

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa terbuka dan sedang meneliti secara mendalam dan berhati-hati cadangan untuk mengadakan gaji minimum memandangkan terdapat dua (2) pandangan yang berbeza tentang perkara ini iaitu pertama pandangan yang menyokong dan kedua pandangan yang menentang pelaksanaan gaji minimum dengan hujah-hujah yang tertentu. Justeru, KSM berpandangan adalah wajar pandangan yang lebih menyeluruh daripada rakyat diperolehi terlebih dahulu supaya sebarang keputusan yang bakal diambil oleh Kerajaan akhirnya akan memberi manfaat kepada rakyat, para pelabur dan seterusnya memantapkan ekonomi negara. Untuk itu, KSM telah melancarkan satu blog iaitu blog.mohr.gov.my bagi mengumpul seberapa banyak pandangan, idea, cadangan dan komen daripada rakyat, untuk tempoh dua bulan mulai 24 Mac 2010. Maklumat yang dikumpulkan akan dianalisis dan seterusnya dibawa kepada Kerajaan untuk pertimbangan dan keputusan.

Pada masa kini, kadar upah ditentukan oleh kuasa pasaran (*market forces*) tertakluk kepada permintaan dan penawaran (*demand and supply*). Kerajaan sedar bahawa peningkatan kadar upah dan lain-lain kos menjalankan perniagaan boleh berlaku walaupun tiada penetapan gaji minimum. Walau bagaimanapun, kenaikan kos tersebut perlu diseimbangi dengan peningkatan produktiviti. Selaras dengan itu dan bersesuaian dengan agenda pembangunan negara dan tanggungjawab menjaga hak dan kepentingan para pekerja di negera ini, Kerajaan sedang mempromosikan sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti (*Productivity Linked Wages System – PLWS*). Dasar ini bertujuan untuk menentukan para pekerja dibayar kadar upah yang lebih saksama berdasarkan produktiviti atau penghasilan kerja sebenar dan dalam masa yang sama pihak majikan juga mendapat faedah dalam bentuk penghasilan produk yang lebih tinggi dan berkualiti.

Tuan Yang Di Pertua,

Sungguhpun Kerajaan tidak menetapkan sebarang gaji minimum kebangsaan, golongan pekerja yang mudah terjejas (*vulnerable*) iaitu yang bekerja di sektor-sektor yang tidak mempunyai satu mekanisme yang berkesan dalam menetapkan gaji dan syarat pekerjaan, masih terbela. Kerajaan membantu golongan ini melalui penubuhan Majlis Penetapan Gaji (MPG) di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji 1947. MPG akan menjalankan kajian dan mengemukakan Perakuan Perintah Peraturan Gaji bagi kumpulan pekerjaan yang dikenal pasti.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]
SOALAN :

Minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah peruntukan Parlimen Kota Raja untuk tahun 2009 dan nyatakan projek-projek, program-program serta penerima sumbangan daripada peruntukan tersebut.

JAWAPAN:

Bagi tahun 2009 sebanyak RM499,970.00 telah dibelanjakan bagi membiayai 33 program / projek dalam kawasan Parlimen Kota Raja adalah seperti berikut:

BIL	Kategori Program/Projek	Bil Program/Projek	Jumlah (RM)
1	Bantuan / sumbangan kepada Orang Kurang Upaya, Ibu Tunggal, Penduduk Miskin dan pakaian seragam kepada pelajar tidak berkemampuan	8	232,280.00
2	Program keagamaan	2	29,000.00

4	Program hari kebesaran / perayaan	6	98,900.00
5	Program/ projek sosial seperti program bersama rakyat, kursus, kempen derma darah	14	119,390.00
6	Aktiviti sukan / kelab	3	20,400.00
JUMLAH		33	499,970.00

Penerima sumbangan daripada peruntukan ini adalah seperti berikut:

1. KRT TAMAN MENARA MAJU
2. KELAB SUKAN KOMUNITI TAMAN SRI ANDALAS KLANG
3. GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA CAWANGAN TMN SRI MENEGON
4. PERSATUAN KEBAJIKAN MASYARAKAT INDIA
5. PERSATUAN BELIA INTELEK BANDAR BUKIT TINGGI
6. PIBG SMK TAMAN SRI MUDA
7. KRT SHAH BANDAR
8. KRT TAMAN MENARA MAJU
9. PERSATUAN MUKKULATHOR SELANGOR DARUL EHSAN
10. KAWASAN RUKUN TETANGGA FASA DYNASTI TAMAN SENTOSA
11. RUKUN TETANGGA TAMAN MENARA MAJU
12. PUSAT KOMUNITI ANDALAS
13. PERSATUAN PENGANUT DEWA TEW KONG TUAH, KLANG, SELANGOR
14. JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG PERSEKUTUAN
15. KELAB RAKAN MUDA KOTA RAJA

16. PERTUBUHAN PERKUMPULAN PEREMPUAN (W) CAWANGAN SUNGAIA KANDIS
17. GERAKAN BELIA AB (M) CAW TAMAN SENTOSA KLANG
18. KELAB SUKAN KOMUNITI SRI MUDA
19. KOMUNITI BESTARI KG. JALAN KEBUN
20. PERTUBUHAN BELIA KOTA RAJA
21. RT TAMAN MENARA MAJU BUNGA RAYA
22. KRT TAMAN SRI ANDALAS FASA 6
23. KRT TAMAN KLANG JAYA
24. KRT TAMAN SRI MENEGUN
25. KRT TAMAN SENTOSA ZON A
26. KRT TAMAN SENTOSA ZON B
27. KRT TAMAN SENTOSA ZON C
28. KRT TAMAN SENTOSA ZON D
29. KRT TAMAN IMPIAN SENTOSA
30. KRT TAMAN SRI SENTOSA 2
31. KRT TAMAN SENTOSA PERDANA
32. KRT FASA DYNASTI
33. KRT SRI ANDALAS FASA 2
34. KRT TAMAN MENARA MAJU/TAMAN BUNGA ROS
35. KRT KG. TELOK MENEGON
36. KRT SRI SEDELI TAMAN SRI ANDALAS
37. KRT TAMAN SENTOSA UTAMA
38. KRT TAMAN ALAM INDAH SEKSYEN 33
39. KRT SERI SARIANTAN

40. KRT SENTOSA BANDR
41. KRT SHAHBANDARAYA
42. KRT TAMAN ALAM INDAH SEKSYEN 27 SHAH ALAM
43. KRT TAMAN SRI MUDA A
44. KRT TAMAN SRI MUDA B
45. KRT TAMAN SRI MUDA D
46. KRT TAMAN DESA KEMUNING
47. KRT TAMAN SRI MUDA ZON C
48. KRT TAMAN SETIA
49. KRT BATU 3 ¾ KG. JAWA
50. KRT APART. SRI AYU BANDAR PUTRA
51. KRT BANDAR PUTERI

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BERTULIS

DARIPADA

**DATUK HJ YUSSEOF BIN MU
MAHAL [LABUAN]**

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT**

NO. SOALAN

176

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan apakah langkah – langkah atau usaha – usaha jangka pendek (sementara projek pemasangan paip air dasar laut Beaufort – Labuan siap sepenuhnya pada akhir 2010) bagi mengatasi masalah bekalan air di WP Labuan yang menjelaskan hampir 87,000 penduduk dan pelajar – pelajar dua pusat pengajian tinggi di Kolej Matrikulasi dan Universiti Sabah dan status dan hasil kerja penggalian telaga tiub untuk menghasilkan lebih kurang 10 juta ml air sehari yang telah dikontrakkan kepada Syarikat Sime Darby.

JAWAPAN

Kementerian ini telah melaksanakan usaha-usaha jangka pendek bagi mengatasi masalah bekalan air di Wilayah Persekutuan Labuan sementara menunggu Projek Loji Rawatan Air Beaufort Fasa 2 siap sepenuhnya pada akhir 2010. Antara langkah jangka pendek yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Penghantaran air menggunakan lori tangki ke kawasan dan premis penduduk yang terjejas berikutan air tidak dapat dibekalkan melalui paip. Sebanyak 20 buah lori tangki sedang digunakan untuk tujuan ini setiap hari.

Kawasan-kawasan yang mendapat bekalan air melalui lori tangki ialah Kg. Lubuk Temiang, Ttg. Kubung, Merinding, Kolej Matrikulasi, Kg.Ganggarak, Kompleks UMS, Kg. Sg. Bedaun, Kg. Sg. Butun, Kg. Bebubuk Laut, Kg. Bebuluh Darat, Kg. Belukut, dan Kiam Sam. Pada masa yang sama, sebanyak 85 buah tangki statik turut disediakan di kawasan – kawasan berkenaan bagi membolehkan pengguna mendapatkan bekalan air terawat.

2. Catuan air melalui sistem paip dengan mengehadkan tempoh bekalan bagi sesuatu kawasan. Langkah ini dibuat bagi membolehkan bekalan air disalurkan dan disimpan secukupnya untuk keperluan harian sehingga tempoh bekalan berikutnya.
3. Membaik pulih 21 buah telaga tiub sedia ada untuk disalurkan ke loji rawatan air. Empat buah telaga tiub telah siap dibaik pulih dan sedang digunakan, manakala 17 buah telaga tiub lagi sedang dibaik pulih dan dijangka akan dapat disiapkan menjelang Oktober 2010. Dengan siapnya semua telaga tiub ini, sumber air mentah sebanyak 6.24 juta liter sehari dijangka dapat diperoleh untuk menambah sumber air sedia ada.
4. Cadangan pembinaan sebuah loji rawatan air baru untuk memproses air payau di Sungai Kina Benuwa. Kerja-kerja pembinaan loji rawatan air ini akan dimulakan pada bulan April 2010 dan mengambil masa 4 bulan untuk disiapkan. Dengan siapnya projek ini, air terawat sebanyak 3.5 juta liter sehari dijangka dapat diperoleh untuk menambah sumber air sedia ada.
5. Pemasangan *package plant* untuk memproses air di dalam terowong lombong arang batu Tanjung Kubong. Walau bagaimanapun, sumber air yang ada sangat terhad dan ketika ini hanya cukup untuk membekal air di kawasan Tg. Kubong sahaja.

Sementara itu, bagi mengatasi krisis bekalan air ini juga, Majlis Keselamatan Negara (MKN) sedang melaksanakan projek pembinaan 14 buah telaga tiub yang dikontrakkan kepada Sime Darby Energy & Utilities (SDEU) dengan sasaran untuk mengeluarkan kira-kira 10 juta liter sehari (jlh) air mentah dari sumber bawah tanah. Kerja-kerja pelaksanaan projek ini dijalankan dengan kerjasama Jabatan Bekalan Air Labuan.

Sehingga akhir Februari 2010, sebanyak 12 buah telaga telah siap digunakan. Daripada jumlah tersebut, 4 lokasi telaga yang terletak di kawasan Universiti Malaysia Sabah dan Sekolah Menengah Sains Labuan didapati tidak berupaya membekalkan sumber air, manakala 8 lokasi telaga yang lain mempunyai jumlah kapasiti air yang boleh digunakan sebanyak 3.8jlh. Sebelum air ini boleh digunakan, iaanya perlu dirawat dengan disaturkan ke loji air berdekatan atau dibina loji rawatan baru di lokasi telaga berkenaan dengan menggunakan "package plan". Sebanyak 2 buah telaga pula masih dalam kerja-kerja penggerudian.

Kementerian sedang berusaha untuk mengehadkan kesulitan yang dialami oleh penduduk-penduduk Labuan ketika musim kemarau ini. Oleh itu, langkah yang paling kritikal dan utama ialah menyiapkan pembinaan Loji rawatan Air Beaufort Fasa 2 dan saluran paip air dasar laut. Penyiapan loji ini dan paip air dasar laut akan dapat memberikan bekalan air terawat yang berterusan termasuk di musim kemarau ini.



SOALAN 177

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI YUSOFF B. HAJI
MAHAL (LABUAN)**

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

apakah pelan strategi bagi menggalakkan lebih ramai pelawat tempatan dan luar negara datang ke Wilayah Persekutuan Labuan selaras dengan matlamat Kerajaan menjadikan Labuan antara destinasi pelancongan yang menarik di negara ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat tiga agensi kerajaan yang bertanggungjawab dari sedi pelan strategi, promosi dan aktiviti bagi menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai destinasi pelancongan yang menarik di Malaysia. Agensi-agensi kerajaan yang dimaksudkan ialah :

1. Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian Perbadanan Labuan;
2. Jabatan Kementerian Pelancongan Malaysia Labuan; dan
3. Pusat Penerangan Pelancongan Tourism Malaysia.

Antara pelan strategi, promosi dan aktiviti yang telah dirancang pada tahun ini untuk menggalakkan lagi lebih ramai pelawat tempatan ke Wilayah Persekutuan Labuan adalah seperti :

- 1) Acara Penutup Hari Wilayah 2010 (28 Feb 2010)**
- 2) Malaysia Water Festival (27 April – 2 Mei 2010)**
 - Labuan International Sea Challenge (LISC'2010)
- 3) Borneo Arts Festival (1-8 Ogos 2010)**
- 4) Remembrance Day (14 November 2010)**

Selain itu, pihak Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia telah mengadakan promosi bersama dengan agensi-agensi pelancongan dalam menyertai roadshow atau *travel fair* yang dihadiri Perbadanan Labuan untuk mempromosikan pakej-pakej pelancongan di Labuan. Antara pakej-pakej pelancongan di Labuan yang dipromosikan oleh Tourism Malaysia adalah seperti *Self Drive Labuan Package* dan *Remembrance Day Package* 2010. Malah, destinasi Labuan juga turut dipromosikan melalui laman web rasmi agensi – agensi berikut :

1. Perbadanan Labuan (<http://www.pl.gov.my>)

2. Jabatan Kementerian Pelancongan Malaysia Labuan (<http://www.labuantourism.gov.my>); dan
3. Tourism Malaysia (<http://www.tourismmalaysia.gov.my>).

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI YUSOFF BIN
HAJI MAHAL**

KAWASAN : LABUAN

TARIKH :

NO. SOALAN : 178

Y.B. DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan adakah perancangan masa depan dalam membawa pelaburan tempatan atau antarabangsa ke WP Labuan memandangkan Labuan juga terkenal sebagai pusat minyak dan gas selain dari sebagai pusat pesisir kewangan antarabangsa.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah mengambil keputusan pada tahun 2008 bahawa Wilayah Persekutuan Labuan akan dikekalkan

sebagai Pusat Kewangan Pesisir dan bukan sebagai pusat perindustrian di negara ini. Dari segi pemberian insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986, hanya pelaburan di dalam projek perhotelan dan pelancongan digalakkan di Labuan secara khususnya.

Kerajaan sentiasa menjalankan inisiatif untuk mempromosi Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang terpilih secara amnya dan tidak mengikut lokasi tertentu. Antara program yang diatur adalah:

- (I) Seminar dan Dialog Pelaburan Tempatan di antaranya yang akan diadakan di Sabah pada 28 Jun 2010 dan yang akan menumpu kepada sektor 'Tourism – Healthcare Travel';
- (II) Taklimat/Dialog bersama Pertubuhan Industri dan Dewan Perniagaan Tempatan yang merupakan aktiviti berterusan. Sesi ini merupakan satu platform yang baik untuk:
 - i. membincangkan isu atau cabaran yang dihadapi oleh pelabur tempatan; dan
 - ii. mendapatkan maklumat dan pandangan mengenai prospek pelaburan dan inisiatif bagi meningkatkan

penyertaan pelaburan tempatan di dalam sektor industri dan perkhidmatan; dan

- (III) Misi Penggalakan Pelaburan yang diketuai oleh Menteri MITI. Untuk tahun 2010, sebanyak 10 misi telah dan akan diadakan ke Eropah, Amerika Syarikat, China, Jepun, Korea, Singapura, dan India.

Usahawan-usahawan di Labuan adalah dialu-alukan untuk mengambil bahagian di dalam program-program yang diatur oleh MIDA.

PERMINTAAN PEMERINTAHAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERINTAHAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL,
(LABUAN)**

NO.SOALAN : 179

DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL (LABUAN) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang diambil dalam merangani isu harga barang pengguna yang tinggi di WP Labuan hingga telah menyebabkan kos sara hidup juga menjadi tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Y.B Labuan, berdasarkan kajian dan pemantauan yang dilaksanakan oleh Pegawai Pemantau Harga (PPH), Pejabat Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PPDNKKG) Kawangan Labuan pada tahun 2009, mendapati bahawa harga barang perlu/runcit di Labuan tidaklah terlalu tinggi hingga membebankan penduduk di W.P Labuan. Dari kajian yang dilaksanakan, mendapati perbezaan harga di bandar Labuan dengan kawasan kampung sekitarnya pada kadar 10 sen hingga ke 20 sen sahaja.

Bagi melihat situasi sebenar isu ini, pegawai-pegawai dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Putrajaya telah mengadakan pemantauan dan pemerhatian di beberapa buah kampung iaitu Kg Sg Buton, Kg Bebuloh, Kg Belukut, Kg Sg Pagar, dan Kg Bedaun. Sepanjang lawatan ke kedai-kedai runcit di sana, didapati harga barang tidak banyak berbeza berbanding di bandar iaitu sekitar 10 sen ke 20 sen sahaja. Jarak antara kampung-kampung tersebut dengan bandar Labuan juga tidak begitu jauh dan penduduk lebih suka ke bandar untuk membeli barang keperluan berbanding di kedai runcit kampung. Hanya dalam keadaan terdesak dan memerlukan sahaja, kedai runcit menjadi pilihan.

Walau bagaimanapun, pihak KPDKKK akan sentiasa memantau isu ini dari masa ke semasa supaya tiada berlakunya kenaikan harga barang/runcit yang tidak munasabah di Labuan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI
MAHAL [LABUAN]

RUJUKAN : 20 [PR-1231-L36139]

SOALAN :

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN
KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan apakah status
rancangan jangka panjang untuk melihat WP Labuan
dihubungkan dengan Tanah Besar Sabah, berikutan Kerajaan
telah membelanjakan RM5 juta untuk kajian bersepadu yang
mana difahamkan ia dilaksanakan oleh Universiti Malaysia
Sabah (UMS). Sekiranya dilaksanakan, adakah status Pulau
Bebas Cukai Labuan akan ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Labuan, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar telah menerima draf Laporan Akhir Kajian Kemungkinan (Feasibility Study) Pembinaan Jambatan Dari Wilayah Persekutuan Labuan ke Sabah dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 19 Mac 2010.

Draf laporan ini akan diteliti dan disemak secara terperinci bersama-sama agensi Kerajaan lain yang berkaitan seperti Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya dan Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri. Ulasan dan pandangan daripada pihak Kerajaan Negeri Sabah turut diperolehi bagi memastikan lokasi cadangan pembinaan jambatan berkenaan, sekiranya dilaksanakan oleh pihak Kerajaan, akan memberi faedah bersama kepada Wilayah Persekutuan Labuan dan Negeri Sabah.

Justeru, status sama ada Pulau Bebas Cukai Labuan akan ditarik balik atau tidak sekiranya pembinaan jambatan dari Wilayah Persekutuan Labuan ke Sabah dilaksanakan adalah tertakluk kepada keputusan Kerajaan nanti.

NO. ALIM : 183781

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]

TARIKH :

RUJUKAN : 2516

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan orang yang didakwa dibawah Seksyen 375 atau 375f Kanun Keseksaan tiap tahun sejak 2005, mengikut negeri. Berapa ramai daripada bilangan ini telah mengaku bersalah dan apakah keputusan mahkamah terhadap mereka yang tidak mengaku salah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Siput yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, statistik pendakwaan dan kes disabitkan di bawah seksyen 375 dan 375f Kanun Keseksaan sejak tahun 2005 sehingga 2009 adalah seperti berikut :

TAHUN	KES DIBICARA	KES DISABITKAN
2005	262	72
2006	368	61
2007	128	154
2008	115	112
2009	99	43
JUMLAH	972	442

Tuan Yang Dipertua,

Dalam sistem keadilan jenayah di Malaysia, semua tertuduh mempunyai hak yang adil untuk membela diri. Oleh itu, bagi tertuduh yang tidak mendaku salah dan terdapat *prima facie* terhadap kes mereka, mahkamah akan meneruskan perbicaraan dan tertuduh berhak untuk membuat pembelaan.

NO. AUM : 184182

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH :

RUJUKAN : 2517

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kes rogol, inces, mencabul kehormatan dan keganasan rumah tangga yang dilapor pada tahun 2008 dan 2009 dengan butir-butir negeri, jantina, umur, bangsa dan pekerjaan mangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Siput yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, secara keseluruhannya pada tahun 2008, jenayah keganasan seksual yang melibatkan rogol, sumbang mahram, cabul dan keganasan rumah tangga adalah sebanyak 9,643 kes dan 9,764 kes pada tahun 2009. Statistik jenayah keganasan seksual mengikut negeri, jantina, umur, bangsa dan pekerjaan mangsa pada tahun 2008 dan 2009 adalah seperti berikut :

TAHUN	2008			
	NEGERI / JENAYAH	ROGOL	INCES	CABUL KEHORMATAN
PERLIS	41	5	17	10
KEDAH	314	33	162	387
P.PINANG	177	7	128	279
PERAK	234	35	158	241
SELANGOR	630	45	405	1102
K.LUMPUR	186	10	247	92
N.SEMBILAN	194	18	117	252

MELAKA	130	13	79	89
JOHOR	535	56	273	273
PAHANG	206	30	124	186
TERENGGANU	141	6	71	90
KELANTAN	246	23	92	252
SABAH	236	44	159	218
SARAWAK	139	9	99	298
JUMLAH	3409	334	2131	3769

TAHUN	2009			
NEGERI / JENAYAH	ROGOL	INCES	CABUL KEHORMATAN	KEGANASAN RUMAHTANGGA
PERLIS	43	3	27	54
KEDAH	344	32	216	288
P.PINANG	179	15	154	286
PERAK	257	33	182	290
SELANGOR	623	58	371	1,015
K.LUMPUR	155	10	140	71
N.SEMBILAN	210	30	100	274
MELAKA	110	11	59	62
JOHOR	589	42	330	231
PAHANG	221	29	118	149
TERENGGANU	122	11	48	68
KELANTAN	308	38	102	173
SABAH	261	42	167	342
SARAWAK	204	31	96	340
JUMLAH	3626	385	2110	3643

STATISTIK JENAYAH KEGANASAN SEKSUAL
PADA TAHUN 2008

	JANTINA		UMUR					BANGSA				PEKERJAAN		
	LELAKI	PEREMPUAN	BAWAH 16 THN	16 - 18 THN	18 - 25 THN	25 THN KEATAS	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN- LAIN	PENUNTUT	TIDAK BEKERJA	BEKERJA	
ROGOL	0	3409	1871	636	902		2625	226	117	441	2151	716	542	
INCES	0	334												
CABUL KEHORMATAN	0	2131	674	238	1219		1433	294	146	258	837	446	348	
KEGANASAN RUMAH TANGGA	1121	2648			728	3041	1906	566	824	473	71	1356	2342	

**STATISTIK JENAYAH KEGANASAN SEKSUAL
PADA TAHUN 2009**

	JANTINA		UMUR				BANGSA				PEKERJAAN		
	LELAKI	PEREMPUAN	BAWAH 16 THN	16 – 18 THN	18 – 25 THN	25 THN KEATAS	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN- LAIN	PENUNTUT	TIDAK BEKERJA	BEKERJA
ROGOL	0	3626	2048	652	926		2804	236	109	477	2351	746	529
INCES	0	385											
CABUL KEHORMATAN	0	2110	687	242	1181		1453	237	132	288	781	547	914
KEGANASAN RUMAH TANGGA	750	2893			845	2798	1791	509	777	566	122	882	2639

REMBERITAHUAN PERTANYAAN DEVARAJ DEVARAJ

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

SOALAN : NO. 185

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan 10 peruntukan tahunan terbesar untuk universiti-universiti dan kolej-kolej awam untuk tahun 2009. Berapakah bilangan kemasukan pelajar untuk setiap institusi ini dalam tahun lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2009, kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM11.9 billion iaitu sebanyak RM8.42 billion untuk perbelanjaan mengurus dan RM3.48 billion untuk perbelanjaan pembangunan di IPTA. Pecahan perbelanjaan mengikut IPTA adalah seperti di Lampiran 1.

Jumlah kemasukan pelajar ke IPTA pada tahun 2009 ialah seramai 153,470 orang. Pecahan bilangan pelajar mengikut IPTA adalah seperti di Lampiran 2.

Lampiran 1

1. SENARAI PERUNTUKAN MENGURUS IPTA TAHUN 2009

BIL	IPTA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	UiTM	1,725,623,000.00
2.	UKM	1,090,126,700.00
3.	USM	1,014,946,500.00
4.	UM	978,104,600.00
5.	UPM	621,481,000.00
6.	UTM	450,431,400.00
7.	UIAM	394,923,000.00
8.	UTHM	265,070,100.00
9.	UMS	257,863,400.00
10.	UUM	214,167,200.00
11.	UMP	202,708,200.00
12.	UNIMAS	185,574,300.00

13.	UTeM	182,678,200.00
14.	UniMAP	173,157,000.00
15.	UPSI	128,017,500.00
16.	UMT	124,639,100.00
17.	USIM	110,456,000.00
18.	UDM	102,988,100.00
19.	UMK	74,911,400.00
20.	UPNM	65,376,800.00
21.	KTAR	57,366,300.00
JUMLAH		8,420,609,800.00

2. SENARAI PERUNTUKAN PEMBANGUNAN IPTA TAHUN 2009

BIL	IPTA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	UiTM	944,340,000.00
2.	UKM	221,724,515.00
3.	USM	245,140,000.00
4.	UM	65,000,000.00
5.	UPM	170,500,000.00
6.	UTM	205,858,000.00
7.	UIAM	220,900,000.00
8.	UTHM	322,350,000.00
9.	UMS	243,400,000.00
10.	UUM	32,910,000.00
11.	UMP	79,700,000.00
12.	UNIMAS	69,795,000.00
13.	UTeM	120,000,000.00
14.	UniMAP	76,050,000.00
15.	UPSI	139,212,000.00
16.	UMT	68,200,000.00
17.	USIM	66,800,000.00

18.	UDM	102,988,100.00
19.	UMK	17,000,000.00
20.	UPNM	65,376,800.00
JUMLAH		3,477,244,415.00

Lampiran 2

KEMASUKAN PELAJAR MENGIKUT IPTA TAHUN 2009

BIL	IPTA	JUMLAH PELAJAR
1.	UITM	64,209
2.	UKM	6,832
3.	USM	7,695
4.	UM	7,980
5.	UPM	8,691
6.	UTM	9,355
7.	UIAM	9,267
8.	UTHM	3,153
9.	UMS	4,359
10.	UUM	9,596
11.	UMP	2,024
12.	UNIMAS	2,052
13.	UTeM	2,156
14.	UniMAP	2,066
15.	UPSI	6,382
16.	UMT	2,342
17.	USIM	1,981
18.	UDM	1,861
19.	UMK	674
20.	UPNM	795
JUMLAH		153,470

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SERI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
(SUNGAI SIPUT)**

SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada ijazah perubatan daripada negara Cuba diiktiraf oleh Jemaah Perubatan Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

Tiada ijazah perubatan dari Cuba diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia. Pada 4 hingga 15 April 2006, suatu panel pelawat yang dilantik oleh Jawatankuasa Teknikal Pengiktirafan Pengajian Perubatan telah melawat dua buah institusi Cuba berikut yang menawarkan program perubatan :

- a. *Victoria de Giron Higher Institute of Medical Sciences of Havana, Havana;* dan
- b. *Escuela Latinoamericana de Medicina atau Latin American School of Medical Sciences, Havana.*

Jawatankuasa Teknikal Pengiktirafan Pengajian Perubatan terdiri dari 5 agensi berikut:

- a. Kementerian Kesihatan Malaysia;
- b. Kementerian Pengajian Tinggi;
- c. Majlis Perubatan Malaysia;
- d. Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
- e. Agensi Kelayakan Malaysia.

Panel mendapati kursus pengajian yang ditawarkan tidak memenuhi piawai minima pengajian perubatan yang ditetapkan bagi menghasilkan pengamal perubatan yang dapat memenuhi keperluan perkhidmatan kesihatan negara.

NO AUM : 187 185

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH

BUJUKAN : 2518

SOALAN :

Dr. Michael Jayakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kes rogol, inces, mencabul kehormatan dan keganasan rumah tangga yang dilapor pada 2008 dan 2009 mengikut jantina, umur, bangsa dan pekerjaan pesalah serta perhubungan pesalah dengan mangsa. Berapakah antara tiap kategori (rogol, inces dan lain-lain) yang telah didakwa di mahkamah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Siput yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, secara keseluruhannya pada tahun 2008, jenayah keganasan seksual yang melibatkan rogol, sumbang mahram, cabul dan keganasan rumah tangga adalah sebanyak 9,643 kes dan 9,764 kes pada tahun 2009. Statistik jenayah keganasan seksual mengikut jantina, umur, bangsa dan pekerjaan pesalah pada tahun 2008 dan 2009 adalah seperti berikut :

**STATISTIK PESALAH BAGI JENAYAH KEGANASAN SEKSUAL
PADA TAHUN 2008**

	JANTINA		UMUR		BANGSA				PEKERJAAN			
	LELAKI	PEREMPUAN	BAWAH 18 TAHUN	ATAS 18 THN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN- LAIN	PENUNTUT	TIDAK BEKERJA	BEKERJA	TIDAK DIKETAHUI MANGSA
ROGOL	1,072	0	651	421	3,662	239	304	570	357	461	345	2,695
INCES	347	0	31	316	257	7	25	58	16	43	176	112
CABUL KEHORMATAN	2,484	0	269	2,215	1,412	220	312	540	201	509	720	1,074
KEGANASAN RUMAH TANGGA	1,121	2,648	728	3,109	1,911	619	869	438	24	1957	1,856	

**STATISTIK PESALAH BAGI JENAYAH KEGANASAN SEKSUAL
PADA TAHUN 2009**

	JANTINA		UMUR		BANGSA				PEKERJAAN			
	LELAKI	PEREMPUAN	BAWAH 18 TAHUN	ATAS 18 THN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN- LAIN	PENUNTUT	TIDAK BEKERJA	SEKERJA	TIDAK DIKETAHUI MANGSA
ROGOL	5,134	0	784	4,350	4,002	252	245	635	452	426	533	2,936
INCES	400	0	36	364	304	15	19	62	24	58	204	113
CABUL KEHORMATAN	2,423	0	260	2,163	1,330	187	292	614	160	445	799	1,069
KEGANASAN RUMAH TANGGA	3,807		792	3,015	1,849	541	852	565	29	2,219	1,583	

**HUBUNGAN PESALAH KEGANASAN SEKSUAL DENGAN
MANGSA BAGI TAHUN 2008**

HUBUNGAN PESALAH DENGAN MANGSA					
	KENALAN	TIDAK KENAL	BAPA	SUAMI / TEMAN LELAKI	SAUDARA
ROGOL	996	912		1,303	
INCES			155		162
CABUL	870	1,126		73	
KEGANASAN RUMAHTANGGA				1,882	

**HUBUNGAN PESALAH KEGANASAN SEKSUAL DENGAN
MANGSA BAGI TAHUN 2009**

HUBUNGAN PESALAH DENGAN MANGSA					
	KENALAN	TIDAK KENAL	BAPA	SUAMI / TEMAN LELAKI	SAUDARA
ROGOL	2,328	915		1,308	
INCES			151		206
CABUL	771	1,045		61	
KEGANASAN RUMAHTANGGA				1,783	

Tuan Yang Dipertua,

Bagi keselahan rogol sebanyak 184 kes telah dihadapkan ke mahkamah pada tahun 2008 dan 162 kes pada tahun 2009. Bagi jenayah Inces, semua kes telah dihadapkan ke mahkamah manakala bagi jenayah cabul kehormatan, sebanyak 280 kes telah dihadapkan ke mahkamah pada tahun 2008 dan 208 kes pada tahun 2009.

SOALAN 186

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN MANIKAVASAGAM A/L
SUNDARAM (KAPAR)**

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

jumlah kereta-kereta mewah limousine serta nilai sebenar pembeliannya yang kini tidak digunapakai oleh anak-anak syarikat Tourism Malaysia. Nyatakan sebab-sebab perkara ini terjadi.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 105 buah kereta taksi yang melibatkan kos sebanyak RM13.35 juta telah dibeli oleh Pempena Executive Taxi Service Sdn. Bhd. (PETS). PETS kini tidak beroperasi disebabkan oleh masalah yang dihadapi dengan syarikat bersekutunya yang gagal menjalankan operasi teksi eksekutif dengan memuaskan serta mematuhi syarat-syarat perjanjian.

SOALAN NO : 187

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN :

BERTULIS

DARIPADA :

TUAN MANIKAVASAGAM A/L

SUNDARAM [KAPAR]

SOALAN :

TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM [KAPAR] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah kerajaan bercadang memansuhkan kutipan tol di Plaza Tol Bukit Raja Lebuhraya Selat Klang (Shapadu) atau mengalihkan plaza tol ke selepas susur keluar Jalan Kapar/Jalan Meru memandangkan ramai penduduk dipaksa melalui plaza tol tersebut untuk meneruskan perjalanan melalui Lebuhraya Persekutuan.

JAWAPAN :

Untuk makluman Akil Yang Berhormat, pada masa kini kerajaan tidak berencang untuk memerlukan ku tipam tol atau mengalihkan Plaza Tol Bukit Raja, Lebuhraya Baru Fintas Selat Kelang (NNKSB). Pengguna di sekitar kawasan Jalan Meru, Jalan Kapar serta Jalan NKS Lama yang menuju ke Klang atau Kuala Lumpur mempunyai jalan alternatif atau laluan tidak bertol di sekitar Klang. Antara laluan tersebut adalah seperti Jalan Pekan Baru (sebelum Klang Parade), Jalan Sireh (selepas simpang depan Sekolah Tinggi) dan pengguna juga boleh menggunakan Jalan Meru ke Klang Central/ melalui Bandar Setia Alam untuk ke Lebuhraya Lembah Klang Utara (NKVE) (ke Shah Alam / KL dan Utara).

188

SOALAN NO: 190-

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM

SOALAN:

Y.B. Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta **KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil serta akan diambil Jawatankuasa Khas Kabinet Hal Ehwal Masyarakat India dalam memerangi kadar jenayah yang tinggi, pembabitan dalam peluang pekerjaan di sektor awam dan swasta, peluang pendidikan serta biasiswa yang saksama dan mereka tidak terus terpinggir dalam cadangan Model Ekonomi Pendapatan Tinggi.

PR-1231-T35976

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Bagi Mengenalpasti Dan Memantau Penyertaan Masyarakat India Di Dalam Program dan Projek-Projek Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk menambah baik keseluruhan aspek pembangunan dan kemajuan masyarakat India di Malaysia. Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet ini bertujuan untuk mengenalpasti dan meningkatkan penyertaan masyarakat India secara aktif di dalam program-program Kerajaan dan memantau penyertaan masyarakat India dalam pelbagai aspek iaitu dari segi pendidikan, peluang pekerjaan, pemilikan ekuiti, peluang perniagaan, program pembangunan usahawan, masyarakat dan belia India. Antara aspek yang diberikan perhatian khusus adalah bidang pendidikan dan biasiswa, peluang

pekerjaan dan latihan kemahiran. Pelbagai agensi lain turut berlibat dalam Jawatankuasa ini untuk menangani dan menambah baik aspek-aspek yang dinyatakan tadi.

Tuan Yang Di Pertua,

Sekarang spesifik, dalam usaha mengurangkan kadar jenayah dilakukannya belia India, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengambil inisiatif dengan memberi peluang kepada para belia India untuk menyertai pelbagai jenis latihan kemahiran secara percuma di bawah Program *Train and Place*. Belia-belia yang menyertai program tersebut diberi elauan sebanyak RM500 sebulan dan akan diberi penempatan pekerjaan setelah tamat latihan. Untuk tujuan ini, sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan khas bagi melatih belia India dan ini adalah bertujuan untuk memberi kemahiran kepada para belia India untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik. Ini juga bertujuan untuk mengelakkan belia-belia tersebut daripada terjebak dengan kegiatan yang tidak berfaedah.

Tuan Yang Di Pertua,

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) secara berterusan menggalakkan penyertaan masyarakat lain terutamanya masyarakat India menyertai sektor awam. Ini bagi memastikan pengambilan masyarakat India dapat diperingkatkan ke 7.4% selaras dengan komposisi kaum di negara ini.

Kempen dan program kesedaran serta pengiklanan menerusi akhbar bahasa Tamil juga turut dibuat bagi menarik minat lebih ramai masyarakat India yang berkelayakan memohon untuk menyertai perkhidmatan awam. Kekurangan penjawat awam masyarakat India dan lain-lain kaum yang melibatkan perkhidmatan terus kepada rakyat juga diambil maklum. JPA telah mengeluarkan satu edaran bertajuk "Penempatan Pegawai Pelbagai Kaum Sebagai *Frontliner* Di Kementerian dan Jabatan Bagi Meningkatkan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Kepada Rakyat" bagi mencerminkan semangat gagasan '1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Tuan Yang Di Pertua,

Jawatankuasa ini juga sedang berusaha menambah baik sistem pendidikan terutamanya Sekolah Tamil. Kerajaan menerusi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah membina Sekolah Tamil Bantuan Kerajaan melalui peruntukan yang diberikan dan juga telah melaksanakan program/ projek/ aktiviti berkaitan ICT yang turut melibatkan sekolah Tamil seperti pembinaan makmal komputer sekolah, pembinaan pusat akses, penggantian komputer di makmal komputer sekolah, pelaksanaan *Proof of Concept* (POC) Internet dan Pembestarian Sekolah. Kepentingan para pelajar India di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) juga turut diambil berat dimana Jawatankuasa ini sentiasa menyarankan supaya bilangan pelajar India dalam kursus kritikal ditingkatkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Biasiswa JPA adalah terbuka kepada semua kaum dan terdapat peningkatan dalam pemberian biasiswa JPA pada tahun 2009 kepada pelajar India iaitu seramai 154 pelajar India untuk pengajian dalam negara dan seramai 189 untuk pengajian luar negara yang berbanding dengan hanya 159 pelajar India yang mendapat biasiswa pada tahun 2008.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH H.Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

**PERTANYAAN
DARIPADA
SOALAN**

BUKAN LISAN

**TUAN MANIKAVASAGAM A/L
SUDARAM [KAPAR]**

TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUDARAM [KAPAR] minta
MENTERI KESIHATAN menyatakan

- (a) Adakah Kerajaan bercadang untuk menaiktaraf status klinik kesihatan pekan Kapar untuk menampung keperluan penduduk kawasan Kapar yang kini terpaksa bergantung kepada Hospital Tengku Ampuan Rahimah untuk mendapatkan rawatan kecemasan. Sekiranya ya, bilakah akan dilaksanakan dan sekiranya tidak, nyatakan sebab-sebab; dan

(b) Adakah Kementerian bercadang untuk menyediakan perkhidmatan Ambulans 24 jam berpusat di Klinik Kesihatan Pekan Kapar. Sekiranya ya, bilakah akan dilaksanakan dan sekiranya tidak, nyatakan sebab-sebab.

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Klinik Kesihatan Kapar beroperasi dengan 4 orang doktor dan seorang doktor pakar. Kerja-kerja menaiktaraf di Klinik Kesihatan Pekan Kapar yang dibina pada tahun 1969 dilaksanakan secara berterusan di mana kerja-kerja menaiktaraf bumbung dan membina pagar baru telah dilaksanakan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi tahun 2009. Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi tahun 2010, kerja menaiktaraf Unit Farmasi dengan kos RM 150,000 sedang berjalan dan dijangka siap pada 31 Mei 2010.
- (b) Kemudahan Perkhidmatan Ambulans 24 jam telahpun disediakan di Klinik Kesihatan Pekan Kapar. Perkhidmatan ini meliputi Sungai Serdang, Telok Tok Muda, Bukit Kerayong, Sungai Kapar Indah, Kg. Perepat, Bukit Hijau dan Sementa.